

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2024

**HARI SELASA : 29 OKTOBER 2024**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 46 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR  
BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menubuhkan Institut Pengajian Tinggi pengkhususan dalam bidang Pengajian Hadis.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan amat menyanjung tinggi kedudukan al-Quran dan hadis sebagai sumber utama hukum dan panduan hidup setiap muslim. Hal ini dapat dilihat melalui usaha Kerajaan menganjurkan program-program berkaitan hadis di semua peringkat termasuklah bidang pengajian, penyelidikan, penerbitan dan sebagainya. Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menawarkan Ijazah Sarjana Muda, Sarjana ataupun Doktor Falsafah pengkhususan dalam bidang hadis di kebanyakan universiti awam dan swasta. Namun begitu, Kerajaan tidak menolak kemungkinan untuk meneliti keperluan terhadap perkara ini pada masa akan datang.
2. Pihak kerajaan mengambil perhatian serius dalam meningkatkan penghayatan masyarakat terhadap ilmu hadis terutamanya generasi muda. Kerajaan melalui JAKIM telah mengambil inisiatif awal menyediakan syarah Hadis 40 Imam al-Nawawi sebagai panduan yang akan digunakan dalam pengajian kuliah terkini di masjid, surau dan modul kokurikulum di sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) serta sebagai panduan kepada masyarakat awam.
3. Bagi memantapkan lagi pengajian hadis di sekolah-sekolah, KPM telah mengeluarkan arahan melalui Surat Siaran KPM Bilangan 5 Tahun 2024 bagi pelaksanaan aktiviti penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah agama bantuan kerajaan pada tahun 2023 dan seterusnya dilaksanakan oleh institusi pendidikan di bawah

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai tahun 2024. Pelaksanaan aktiviti ini bertujuan membentuk sahsiah dan nilai yang baik selain memupuk semangat kasih sayang serta menerapkan kefahaman agama dalam kalangan murid beragama Islam ke arah melahirkan generasi yang seimbang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Inisiatif ini juga berupaya mengangkat kemuliaan insan berdasarkan tiga elemen utama penghayatan nilai iaitu adab, akhlak dan integriti.

4. Sekiranya dilihat kepada situasi semasa pada ketika ini, masyarakat awam juga dilihat semakin berminat untuk mempelajari dan mendalami ilmu berkaitan hadis secara tidak formal melalui siri-siri kuliah pengajian takmir yang diadakan di masjid-masjid seluruh negara atau secara online. Kerajaan melalui JAKIM telah melaksanakan program Daurah Pengajian Hadis 40 Imam Nawawi sebanyak 10 siri sepanjang tahun 2024 dan akan diteruskan pada tahun 2025. Selain itu, JAKIM juga telah melaksanakan Seminar Hadis Sahih Bukhari Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 dan Majlis Sama' Hadis Peringkat Kebangsaan pada November 2024. JAKIM juga mengambil inisiatif menterjemah Kitab Hadis Lu' Lu' wal Marjan yang menghimpunkan hadis sahih riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim ke dalam Bahasa Melayu. Selain daripada itu, JAKIM dalam perancangan menerbitkan Hadis 40 Imam Nawawi termasuk *Versi Braille* pada tahun 2025 yang merupakan himpunan hadis-hadis sahih Bukhari dan Muslim dengan kerjasama universiti awam tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID  
[BUKIT BENDERA]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta  
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:**

- (a) langkah ekonomi khusus yang Malaysia akan utamakan semasa mempengerusikan ASEAN 2025 bagi mengukuhkan perdagangan serantau, dan meningkatkan kuasa ekonomi kolektif ASEAN di pasaran global; dan
- (b) apakah langkah untuk memastikan setiap negara anggota mematuhi piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Bukit Bendera** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Mengenai **soalan pertama**, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) sedang membentuk Pelan Strategik 2026-2030, yang merupakan dokumen strategi pelaksanaan tonggak ekonomi untuk Wawasan Komuniti ASEAN, dengan izin, *ASEAN Community Vision (ACV) 2045*. Pelan Strategik berkenaan, yang merupakan lanjutan daripada Rangka Tindakan AEC 2025, akan dimuktamadkan semasa Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025.

3. Malaysia akan memanfaatkan peluang sebagai Pengerusi ASEAN dengan merangka agenda pembangunan ekonomi ASEAN yang mampan dan inklusif di rantau ASEAN melalui **Keberhasilan Ekonomi Berkeutamaan**, dengan izin, ***Priority Economic Deliverables (PED)*** di bawah AEC yang akan diterajui oleh MITI.

4. PED ini dirangka berdasarkan empat (4) Teras Strategik iaitu:

- (i) Meningkatkan Perdagangan dan Pelaburan;
- (ii) Mewujudkan Laluan yang Inklusif dan Mampan;
- (iii) Menggalakkan Integrasi dan Keterhubungan Ekonomi; dan
- (iv) Membina Digital ASEAN yang Berdaya Tahan.

5. PED tersebut juga akan memberi keutamaan kepada bidang-bidang termasuk kecerdasan buatan, pendigitalan, teknologi hijau, tenaga bersih, keterjaminan makanan, serta ekonomi biru.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Mengenai **soalan kedua** pula, antara langkah yang telah diambil oleh Negara-Negara Anggota ASEAN adalah:

- i) Pertama, menubuhkan Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) pada 23 Oktober 2009;
- ii) Kedua, memperakukan Deklarasi Hak Asasi Manusia pada tahun 2012 sebagai panduan untuk melindungi hak asasi manusia di rantau ini;
- iii) Ketiga, mewujudkan Pelan Kerja Lima Tahun AICHR yang menetapkan tindakan bagi mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di ASEAN. Pelan terkini adalah daripada tahun 2021 hingga 2025; dan
- iv) Keempat, menjalin kerjasama erat bersama PBB, khususnya dengan Majlis Hak Asasi Manusia PBB, untuk memastikan tahap ketersediaan ASEAN adalah selari dengan piawai hak asasi antarabangsa.

7. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Majlis Hak Asasi Manusia PBB, yang bertanggungjawab mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di seluruh dunia, mempunyai beberapa mekanisme untuk menilai situasi hak asasi manusia di semua Negara Anggota PBB. Ini termasuk, dengan izin, *Universal Periodic Review (UPR)*, *Special Rapporteurs*, *HRC-mandated investigations* dan *Designated Experts of the UN High Commissioner for Human Rights*.

8. Terdapat juga beberapa triti antarabangsa mengenai hak asasi manusia yang mempunyai jawatankuasa pakar khusus, dengan izin, *committees of independent experts* yang bertanggungjawab untuk memantau dan menilai pematuhan Negara-Negara Pihaknya kepada obligasi-obligasi di bawah triti-triti antarabangsa tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN  
ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]**  
minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :

- a) apakah status projek menaik taraf kawasan pelancongan Gunung Stong, Dabong yang melibatkan kos RM6.23 juta memandangkan kawasan ini mempunyai potensi besar untuk pelancongan ekologi dan menarik pelancong luar; dan
- b) bagaimana Kementerian akan mempercepatkan kelulusan bagi menyokong pertumbuhan sektor pelancongan luar bandar.

**JAWAPAN**

**Jawapan (a)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa memberi perhatian akan ketersediaan infrastruktur asas dalam menyokong aktiviti pelancongan di seluruh negara termasuklah di kawasan Parlimen Ahli Yang Berhormat. MOTAC juga sentiasa bekerjasama rapat dengan semua Kerajaan Negeri, termasuklah Kerajaan Negeri Kelantan dalam memastikan kemudahan di lokasi-lokasi pelancongan utama di Malaysia berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk kegunaan para pelancong tempatan mahupun luar negara.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan, sehingga kini, MOTAC belum menerima sebarang permohonan bagi cadangan pembangunan, penyelenggaraan atau peningkatan kemudahan pelancongan bagi menaik taraf kawasan pelancongan Gunung Stong, Dabong dengan anggaran kos sebanyak RM6.23 juta.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, perancangan dan pembangunan pelancongan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan. Sehubungan itu, MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan baharu selaras dengan halatuju MOTAC dan keutamaan Kerajaan Negeri Kelantan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan bagi membantu menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Parlimen Kuala Krai khususnya dan Negeri Kelantan amnya.

4. Bagi konteks pembangunan pelancongan dan sesuai dengan bentuk muka bumi Kuala Krai, Kelantan, MOTAC mencadangkan supaya produk-produk pelancongan berbentuk ekopelancongan yang mempunyai tarikan tersendiri di kawasan Kuala Krai, Kelantan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri. Selaras dengan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2020-2030, MOTAC juga telah mengenal pasti Kluster Ekopelancongan Pergau-Jeli-Gunung Stong-Nengiri sebagai produk pelancongan baharu untuk dibangunkan. Menerusi pembangunan kluster ekopelancongan ini, aktiviti ekopelancongan dan pelancongan berasaskan komuniti dapat dikembangkan serta dipromosikan secara lebih holistik.

**Jawapan (b)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kecepatan proses kelulusan setiap projek yang dipohon adalah berdasarkan takwim dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi melalui Garis Panduan Rancangan Lima Tahun.

2. MOTAC sentiasa menyokong sebarang projek pembangunan yang dapat membantu meningkatkan industri pelancongan dan kebudayaan dan warisan negara asalkan ianya adalah selaras dengan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020–2030, Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 dan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2020-2030 yang dikeluarkan oleh Kementerian ini serta Garis Panduan Rancangan Lima Tahun yang dikeluarkan oleh Kementerian Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB  
[TENGGARA]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah proaktif Kementerian bagi memperluas peranan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di peringkat komuniti sebagai usaha memastikan warga emas terus produktif dan dapat menjalani kehidupan harian yang lebih selamat dan selesa memandangkan negara sedang menuju ke arah negara menua.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) merupakan perkhidmatan bercorak penjangkauan sosial (*reaching out*) dan pembangunan (*developmental*) yang menyasarkan kepada warga emas yang sihat serta dapat menguruskan diri. Penubuhan PAWE ini merupakan salah satu tindakan proaktif kementerian dalam menyediakan platform untuk warga emas terlibat dan kekal produktif dalam komuniti setempat.

2. Sejak tahun 2018, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM17juta untuk penubuhan PAWE baharu di bawah Rancangan Malaysia (RMK) Ke-11. Sehingga Jun 2024, terdapat 164 buah PAWE telah ditubuhkan dan beroperasi di seluruh negara dengan keahlian berdaftar seramai lebih 77,000 orang warga emas berbilang bangsa dan agama. Pada tahun 2024 sahaja, kerajaan telah memperuntukkan RM8.2juta untuk membantu kesemua PAWE ini beroperasi. Pada tahun 2024 juga, sebanyak 33 buah PAWE baharu telah diluluskan penubuhannya peruntukan sebanyak RM3.3 juta.

3. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkasakan program dan aktiviti di PAWE dengan membangunkan perancangan program yang lebih berstruktur berdasarkan dimensi penuaan yang terkandung dalam Dasar Warga Emas Negara (DWEN) iaitu penuaan aktif, penuaan positif, penuaan sihat, penuaan produktif dan penuaan menyokong. Ini penting agar keseimbangan yang diterapkan dalam pelaksanaan program di PAWE dapat membantu kesejahteraan dan dinikmati oleh warga emas.

4. Untuk tahun 2025, PAWE dirancang untuk diberi nafas baru menerusi Program Pemerksaan Warga Emas atau PAWE@3A (*Anywhere, Anytime, Any place*). Inisiatif ini akan dimulakan secara projek rintis untuk melihat kebolehlaksanaan sebelum konsep ini dikembangkan secara meluas. Melalui pembaharuan ini, PAWE boleh melaksanakan program atau aktiviti pemerksaan warga emas dalam lokaliti masing-masing secara lebih fleksibel tanpa terikat kepada premis dan waktu

## **NO SOALAN : 13**

tertentu terutama di kawasan yang mempunyai populasi warga emas dan tidak mempunyai premis tetap untuk dijadikan sebagai tempat aktiviti PAWE diadakan.

5. Usaha untuk memantapkan peranan aktif PAWE dalam komuniti dan warga emas secara amnya bukan sahaja perlu dimainkan oleh KPWKM dan JKM semata-mata, tetapi ia memerlukan komitmen pertubuhan, komuniti dan kerjasama pelbagai pihak dari semua peringkat demi kesejahteraan warga emas di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN  
MOKHTAR [KEMAMAN]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh mana pencapaian yang telah berjaya dicapai sejak tahun 2017 melalui lima teras di dalam Dasar Angkasa Negara 2030 yang melibatkan pengukuhan tadbir urus, penambahbaikan penggunaan teknologi, pembangunan kepakaran, penyumbang kepada ekonomi dan pengukuhan jaringan antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Selaras dengan Teras 1 DAN2030, Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) telah dibentuk melalui penggabungan dua (2) agensi di bawah Kementerian ini iaitu Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) pada tahun 2019 bagi memperkukuhkan tadbir urus sektor angkasa negara dalam usaha mencapai objektif dan hala tuju yang ditetapkan di bawah DAN2030.
2. Seterusnya, Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] telah digubal dan diwartakan pada 25 Januari 2022 bagi mengawal selia aktiviti angkasa negara bagi memastikan aktiviti yang dijalankan mematuhi perundangan dan garis panduan yang ditetapkan di peringkat antarabangsa. Pewujudan akta ini juga dapat memperkukuhkan tadbir urus ekosistem sektor angkasa negara di samping dapat menggalakkan pembangunan industri angkasa tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Bagi memperkasakan lagi pelaksanaan DAN2030, Kementerian melalui MYSA telah membangunkan Pelan Tindakan Dasar Angkasa Negara 2030 yang dikenali sebagai *Malaysia Space Exploration 2030* (MSE2030). MSE2030 telah menggariskan 15 strategi, 27 inisiatif dan 92 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sehingga tahun 2030 yang terbahagi kepada tiga (3) fasa pelaksanaan iaitu jangka pendek (2022 hingga 2023), jangka sederhana (2024 hingga 2026) dan jangka panjang (2027 hingga 2030).

4. Sebanyak 17 KPI jangka pendek telah dicapai manakala 75 KPI jangka sederhana dan jangka panjang sedang dan akan dilaksanakan sehingga tahun 2030. Antara KPI yang telah dicapai adalah seperti berikut:

- i. Pelan Strategik Industri Angkasa 2030 (SISP2030);
- ii. Penguatan jalinan kerjasama antarabangsa melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Kerjasama (MoC) dengan China National Space Administration (CNSA) dan Japan Aerospace Exploration Agency (JAXA);
- iii. Garis Panduan Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Kemudahan Pelancar di Malaysia;
- iv. Penubuhan Malaysian Space Industry Consortium (MASIC); dan
- v. Pembangunan 55 aplikasi berteraskan teknologi angkasa yang dimanfaatkan oleh 90 agensi pengguna dalam pelbagai sektor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN  
[BATU]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memperluas permohonan diesel bersubsidi dan fleet card kepada golongan orang awam tidak meniaga yang memiliki kenderaan diesel berusia 12 tahun dan ke atas atau kurang daripada RM40,000 harga pasaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyasaran subsidi diesel ini dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui mekanisme Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) untuk memastikan hanya golongan yang layak sahaja boleh menikmati diesel bersubsidi menggunakan *fleet card* seperti syarikat pengangkutan awam dan syarikat pengangkutan barangan bagi memastikan kos perkhidmatan dan barangan keperluan tidak dibebankan kepada pengguna.

Selain itu, penyasaran subsidi diesel ini juga bertujuan untuk membanteras ketirisan dan penyeludupan diesel bersubsidi yang berlaku secara berleluasa akibat pemberian diesel bersubsidi secara pukal di stesen minyak dengan pelarasan harga diesel di stesen minyak di Semenanjung Malaysia.

Bagi orang awam atau pemilik kenderaan diesel persendirian yang terjejas akibat pelarasan harga minyak di stesen minyak, Kerajaan amat prihatin berhubung perkara ini dan telah menyediakan bantuan kewangan di bawah Program Bantuan Subsidi MADANI seperti BUDI Individu.

Mana-mana orang awam atau pemilik kenderaan diesel berkelayakan dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) termasuklah mereka yang mempunyai kenderaan diesel yang berusia 12 tahun dan ke atau kurang daripada RM40,000 harga pasaran boleh memohon bantuan tersebut daripada MOF.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN [ PUCHONG ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan:

- (a) adakah Kementerian akan mengambil kira tanah lembap sebagai sinki karbon dalam inventori gas kaca hijau (GHG) dalam laporan kemaskini dua tahun (BUR) UNFCCC ; dan
- (b) apakah usaha Kementerian dalam meningkatkan jumlah projek yang menghasilkan nature-based carbon credits di Bursa Carbon Exchange.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula tahun 2024, pelaporan *Biennial Update Report* (BUR) digantikan dengan *Biennial Transparency Report* (BTR). Penukaran dari BUR kepada BTR telah ditetapkan melalui Keputusan 18/CMA.1 semasa *Conference of the Parties* ke-24 (COP24) di Katowice, Poland pada tahun 2023. Keputusan ini merupakan sebahagian dari pelaksanaan *Enhanced Transparency Framework* (ETF) di bawah Perjanjian Paris, yang bertujuan untuk mempertingkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pelaporan tindakan iklim negara-negara pihak. BTR menggantikan BUR dengan format laporan yang lebih komprehensif, merangkumi inventori gas rumah kaca, penjejakan *Nationally Determined Contribution* (NDC), serta sokongan kewangan, pemindahan teknologi dan pembinaan kapasiti yang telah diterima dan diperlukan.
2. Malaysia sentiasa memastikan semua pelepasan dan penyerapan gas rumah kaca (GHG) daripada semua Guna Tanah, Perubahan Guna Tanah dan Perhutanan bagi kawasan tanah lembap termasuk tanah gambut dan paya bakau dilaporkan dalam inventori GHG. Malaysia menggunakan *2006 IPCC Guidelines for National Greenhouse Gas Inventories* (IPCC 2006 guidelines) bagi mengira pelepasan dan penyerapan gas rumah kaca termasuk gas karbon dioksida (CO<sub>2</sub>), metana (CH<sub>4</sub>), dan nitrus oksida (N<sub>2</sub>O) seperti yang ditetapkan oleh UNFCCC.
3. Selain dari itu, Malaysia juga melaporkan aktiviti pembasahan (*re-wetting*) yang berlaku di kawasan hutan paya gambut dalam pelaporan BTR1 sebagai salah satu langkah penambahbaikan berbanding pelaporan terdahulu.
4. Seterusnya berhubung usaha Kementerian dalam meningkatkan jumlah projek yang menghasilkan *nature-based carbon credits* di Bursa Carbon Exchange. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Kuamut Rainforest Conservation Project** di Sabah adalah projek penjanaan kredit karbon hutan pertama dari Malaysia yang telah disenaraikan dan didagangkan di *Bursa Carbon Exchange*.

5. Pada masa yang sama, projek **Marudi Forest Carbon Project**, yang sedang dibangunkan pada masa ini adalah projek karbon hutan pertama yang telah dilesenkan di bawah Ordinan Perhutanan (Aktiviti Karbon Hutan) oleh Kerajaan Negeri Sarawak.
6. Pembangunan sesuatu projek karbon dari penyelesaian berasaskan alam semulajadi atau lebih dikenali sebagai *Nature Based Solution* bukan suatu inisiatif yang mudah mahupun murah. Penggunaan piawaian antarabangsa seperti *Verified Carbon Standard* (Verra) dan *Gold Standard* memakan **kos yang amat signifikan** (menelan belanja dari ratusan ribu ringgit hingga jutaan ringgit - bergantung kepada skala, saiz dan jenis projek) dan **masa yang lama** (dari tiga hingga tujuh tahun, bergantung kepada kompleksiti isu di lapangan dan pematuhan pra-syarat ketat piawaian).
7. Justeru itu, pembinaan keupayaan dan tenaga pakar di peringkat domestik yang berupaya untuk membangunkan, melaksanakan aktiviti berdasarkan kepada kerangka projek serta memantau, melapor dan menjalankan proses verifikasi adalah amat kritikal. Pada masa ini, kebanyakan projek yang dibangunkan adalah menggunakan tenaga juru perunding antarabangsa yang mempunyai pengalaman membangunkan dan mengoperasikan projek karbon di negara-negara lain.
8. Pemandahan kepakaran kepada pemain industri domestik adalah amat kritikal, selain dari memastikan bahawa pemilik kawasan berhutan (terutamanya pihak kerajaan negeri, jabatan perhutanan dan syarikat konsesi dan komuniti sekitar kawasan projek) faham dan maklum mengenai implikasi serta manfaat sesuatu projek karbon hutan.
9. Mengambil kira semua ini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menubuhkan **Malaysia Forest Fund**, sebagai agensi teknikal yang bertanggungjawab untuk menerajui usaha membangunkan dan mengoperasikan instrumen kewangan inovatif sektor hutan, termasuklah meneroka potensi kawasan dan pelaksanaan projek karbon hutan di Malaysia.
10. Di bawah Belanjawan 2024 sebelum ini, Kementerian telah diberikan peruntukan Dana khas yang dikenali sebagai Dana Projek Karbon Hutan

untuk menjalankan aktiviti pembangunan kapasiti, pelaksanaan aktiviti penilaian kebolehlaksanaan awal (*pre-feasibility study*) dan pembangunan piawaian sistem pengkreditan karbon (sektor perhutanan) yang dikenali sebagai *Forest Carbon Offset (FCO)*.

11. Segala usaha ini bukan sahaja untuk menangani isu-isu yang melibatkan pembangunan sesuatu projek karbon hutan, tetapi juga untuk memastikan bahawa Malaysia mempunyai suatu piawaian domestik yang boleh digunakan untuk menjana kredit karbon setara dengan piawaian antarabangsa sedia ada, tetapi memakan kos yang jauh lebih murah, mudah dan mengambil kira spesifikasi kebangsaan.

12. Kita berharap bahawa usaha dan inisiatif ini turut disambung di Belanjawan 2025, memandangkan ianya mempunyai implikasi yang amat signifikan kepada pengumuman Kerajaan untuk memperkenalkan Cukai Karbon pada 2026 kelak. Bagi menggalakkan pembangunan dan penyertaan lebih banyak pembangunan projek karbon di dalam ekosistem pengoperasian cukai karbon tersebut kelak, Kementerian saya ingin memastikan bahawa mekanisma fleksibiliti (*flexible mechanism*) yang membenarkan *offset* atau penggunaan kredit karbon dari sektor perhutanan; digunakan oleh syarikat yang ingin menyelesaikan komitmen pengurangan emisi syarikat mereka melalui kaedah *offset* selain dari dikenakan cukai. Mekanisme ini bukan sahaja menggalakkan pembangunan projek karbon untuk memenuhi permintaan *offset*, malah memastikan kredit yang dijanakan boleh didagangkan di platform BCX dan platform pasaran karbon serantau dan antarabangsa.

13. Namun begitu, pengwujudan insentif dan dana kewangan bagi membangunkan sesuatu projek karbon hutan adalah amat kritikal. Pada masa ini, tidak wujud sebarang instrumen kewangan atau *financial tools* (sama ada dalam bentuk pinjaman, geran atau dana) yang menyokong dan menampung kos kerja-kerja awalan (kajian kebolehlaksanaan, penyediaan *Project Design Document* dan kos fi piawaian) sesuatu projek karbon.

14. Tanpa insentif dan dana tersebut, kita akan bergantung sepenuhnya kepada penyertaan pemain dan syarikat dari luar negara yang mempunyai keupayaan sumber dan kewangan, dan seterusnya mengambil manfaat dari penjualan kredit karbon yang dihasilkan di Malaysia. Kita berharap

agar lebih banyak syarikat dan pemain dari Malaysia berminat untuk mewujudkan sinergi dengan pihak Kementerian (atau melalui agensi ***Malaysia Forest Fund***) untuk mengatasi kebergantungan kewangan kepada Kerajaan bagi maksud tersebut.

15. Selain daripada itu, Kerajaan juga akan meneroka dan merundingkan potensi pembangunan kerangka *ASEAN Common Carbon Framework* (ACCF) semasa Kepengerusian ASEAN pada tahun depan. ACCF adalah inisiatif yang diterajui oleh pihak swasta di bawah *ASEAN Business Advisory Council* (ASEAN-BAC) bagi menggembeleng usaha di peringkat serantau untuk mewujudkan ekosistem pasaran karbon yang lebih rancak serta memanfaatkan kepakaran, sumber semulajadi dan usaha di kalangan ahli negara ASEAN bagi membangunkan lebih banyak projek karbon yang boleh didagangkan bukan sahaja di BCX, malah di platform pasaran di pelbagai negara ASEAN.

16. Usaha serantau ini juga dihasratkan untuk membantu Malaysia di dalam membangunkan instrumen FCO melalui perkongsian teknikal dan pengiktirafan bersama piawaian domestik yang sedia ada seperti *Thailand Verified Emission Reduction* (TVER) dan Sistem Registri Nasional (SRN) di Indonesia; selain memastikan perspektif negara pembeli seperti Singapura diintegrasikan sebagai komponen yang kritikal ke arah pengwujudan piawaian domestik yang berintegriti tinggi serta diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN**  
**ABDULLAH**  
**[PAYA BESAR]**  
**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR]**  
minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**  
menyatakan :

- a. bagaimana Kerajaan memandang polisi *anti-dumping* sebagai alat untuk melindungi pasaran domestik hasil lambakan produk terutama dari China; dan
- b. apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkanimbangan dagangan yang semakin mengecil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) merupakan Kementerian yang telah diberi kuasa untuk menjalankan penyiasatan, membuat penentuan dan mencadangkan pengenaan duti timbal balas atau anti-lambakan atau pelindung di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti-lambakan 1993 dan Akta Pelindung 2006 bagi melindungi industri tempatan daripada amalan perdagangan yang tidak adil.

Duti anti-lambakan merupakan salah satu remedi perdagangan yang diguna pakai oleh Kerajaan bagi memastikan industri tempatan tidak terjejas akibat amalan perdagangan yang tidak adil oleh barangan import, iaitu pengenaan harga yang lebih rendah di Malaysia berbanding harga yang dijual dipasaran domestik negara pengeksport. Tindakan Kerajaan ini adalah selaras dengan peraturan antarabangsa di bawah perjanjian-perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Mengenai import dari China, antara tahun 2015 hingga 2023, Kerajaan telah menguatkuasa sembilan (9) tindakan anti-lambakan dan kini sedang menjalankan empat (4) siasatan anti-lambakan yang melibatkan produk-produk besi dan keluli serta plastik.

Berhubung dengan imbalan dagangan yang dibangkitkan, MITI ingin memaklumkan bahawa sejak bulan Mei 2020 selama 53 bulan berturut-turut, Malaysia telah merekodkan lebihan dagangan.

Sebagai sebuah negara dagang, Malaysia sentiasa mengamalkan dasar perdagangan yang terbuka dan progresif. Antara strategi utama bagi memperluaskan akses pasaran produk dan perkhidmatan Malaysia adalah menerusi pemeteraian Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Sehingga kini, Malaysia telah menandatangani 16 FTA sama ada dua hala, serantau dan pelbagai hala.

Selain itu, promosi eksport termasuk ke pasaran-pasaran baharu dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang mempunyai 49 pejabat perdagangan di seluruh dunia.

## **NO SOALAN : 17**

Menerusi pejabat-pejabat tersebut, peluang eksport baharu dapat diterokai, jaringan perniagaan antarabangsa dapat diperkasakan dan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dalam ekspo perdagangan utama dapat diselaraskan bagi memastikan limpahan kepada ekonomi Malaysia dapat dioptimumkan.

MITI optimis dengan kerjasama bersepadu antara setiap kementerian yang berkaitan, nilai eksport Malaysia akan dapat dipertingkatkan dan seterusnya akan memperbesarkan saiz lebih dagangan. Impak daripada usaha-usaha ini dapat dilihat menerusi nilai dagangan Malaysia dalam tempoh Januari-September 2024 yang meningkat sebanyak 10.9% kepada RM2.139 trilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023. Eksport naik 6% kepada RM1.115 trilion dan import sebanyak RM1.024 trilion menghasilkan lebih dagangan bernilai RM91.21 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID**  
**[HULU TERENGGANU]**  
**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan jumlah kes penipuan logo halal dan pensijilan halal terutama dalam kalangan pengusaha makanan dan minuman bukan Islam bagi tempoh 2022 hingga Oktober 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa memberi perhatian serius berhubung isu-isu penipuan logo halal dan pensijilan halal yang mana ianya menjadi suatu kesalahan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Sepanjang tempoh 2022 hingga Oktober 2024, sebanyak 140 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM3,598,817.00 yang melibatkan premis pemilikan orang Islam dan bukan Islam.

Bagi menangani isu-isu penipuan logo halal dan pensijilan halal, Kementerian akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

1. Bekerjasama dengan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi memperkemaskan penguatkuasaan halal;
2. Membuat hebahan umum mengenai pematuhan perundangan halal melalui media sosial rasmi Kementerian dan menerbitkan kenyataan media;
3. Menjalankan pemeriksaan halal secara berkala di pasar raya, restoran dan kilang pemprosesan, di samping memberi khidmat nasihat mengenai perundangan;
4. Mengadakan operasi khas berkaitan halal secara bersepadu dengan agensi-agensi Kerajaan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA  
[TAMPIN]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi dan usaha terkini Kerajaan bersama Kementerian atau agensi yang berkaitan untuk memartabatkan lokasi-lokasi tarikan pelancongan di kawasan tanah rancangan FELDA agar dapat menjana pendapatan buat warga FELDA serta penduduk kampung di kawasan sekitarnya.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA  
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

FELDA, melalui Jabatan Pembangunan Usahawan, sedang melaksanakan inisiatif program bersama Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya, MOTAC dengan mengenal pasti usahawan pelancongan dan inap desa serta pengumpulan data dan penentuan lokasi tarikan pelancongan di kawasan tanah rancangan FELDA. Sehingga kini terdapat 241 pengusaha inap desa FELDA yang telah berdaftar dengan MOTAC.

Seiring dengan usaha ini latihan dan pembangunan Usahawan Pelancongan Program Inap Desa FELDA telah diperluaskan melalui latihan asas pembangunan inap desa bersama Institut Kemajuan Desa, INFRA dan MOTAC di FELDA. Latihan ini menjurus kepada pendedahan awal warga FELDA dalam perkhidmatan pelancongan, sekali gus membantu meningkatkan ekonomi setempat yang dianjurkan dengan kerjasama FELDA dan MOTAC dari semasa ke semasa.

Pada sambutan Hari Peneroka FELDA 2024 (HPF2024) yang berlangsung di MAEPS Serdang pada 12 – 14 Julai 2024, FELDA menerusi Kluster Hospitaliti turut membuat hebahan dan promosi lokasi dan pakej pelancongan yang terdapat di rancangan FELDA yang telah dikenal pasti kepada pengunjung yang hadir pada sambutan HPF2024.

Pada masa yang sama FELDA telah menjalin kerjasama dengan koperasi-koperasi di dalam tanah rancangan sebagai pemangkin bagi pelbagai inisiatif ekonomi, termasuk dalam sektor pelancongan. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) turut memperuntukkan geran Desa Lestari kepada koperasi di dalam komuniti dan salah satu sektor yang terlibat ialah sektor pelancongan. Koperasi di rancangan FELDA turut diberi peluang untuk memohon

## **NO SOALAN : 19**

geran Desa Lestari bagi membangunkan industri pelancongan dalam kawasan rancangan.

Pada tahun 2024 Program Sejati Madani diperkenalkan bertujuan untuk merancakkan aktiviti ekonomi di peringkat komuniti di bawah seliaan Unit Penyelarasan Perlaksanaan JPM. Di FELDA, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR), layak memohon dan bagi kategori sektor tumpuan Pelancongan dan Hospitaliti, sehingga 30 September 2024 sebanyak 29 projek telah diluluskan dengan peruntukan RM 2.66 Juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS  
[MERSING]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM menyatakan :**

- (a) laporan susulan mengenai insiden kematian empat ekor gajah di Kampung Sri Timur, Kahang pada Jun lalu; dan
- (b) langkah mitigasi yang dilaksanakan untuk memelihara habitat dan populasi gajah daripada ancaman kepupusan serta perincian pelan tindakan bagi menangani konflik antara manusia dengan gajah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia mengambil berat terhadap insiden kematian gajah di Kahang pada 1 Jun 2024. Laporan makmal Jabatan Perkhidmatan Veterinar mendapati tiada penemuan spesifik mengenai punca kepada kematian gajah-gajah tersebut. Keputusan ujian racun oleh Jabatan Kimia Malaysia pula mendapati semua sampel yang telah dihantar adalah negatif atau tidak mengesan racun umum seperti racun makhluk perosak, pestisid organofosfat dan pestisid organoklorin

2. Walaupun ujian keracunan tidak mengesan racun umum, kematian gajah-gajah tersebut disyaki sebagai keracunan. Ini adalah berdasarkan kepada penemuan tanda-tanda sel yang tidak normal semasa bedah siasat yang menjurus kepada keracunan akibat pengambilan bahan yang mengandungi toksik yang tidak diketahui.

3. Berhubung dengan pelaksanaan langkah mitigasi, Jabatan PERHILITAN akan terus melaksanakan pelbagai usaha untuk memelihara habitat dan populasi gajah bagi mengurangkan kes konflik manusia dan gajah antaranya seperti berikut:

- i) menjalankan 11 operasi tangkapan gajah dari tahun 2020 hingga Ogos 2024 di Mersing, Johor dan dipindahkan ke habitat yang lebih luas dan sesuai iaitu jauh daripada penempatan penduduk;
- ii) membina 3 unit Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) kekal dan mudah alih di Segamat di Felcra Gugusan Peta Temalik - Kemajuan Kg. Sungai Labis (Kg. Tenang); Kluang (Kg. Sri Lukut (Ldg Persind - Sg. Temechil); dan Kota Tinggi (Kg. Mawai);
- iii) memasang 2 unit kolar satelit bagi kumpulan gajah yang telah dikenal pasti pada tahun 2024 bagi memantau pergerakan kumpulan gajah tersebut dan seterusnya mengambil tindakan pencegahan awal sekiranya kumpulan tersebut menghampiri kawasan kampung atau pertanian;

## NO SOALAN : 20

- iv) menyokong usaha mewujudkan rangkaian koridor dan habitat gajah melalui Projek Elephant Foodbank oleh pihak ladang dan masyarakat setempat bagi mengurangkan impak kerosakan tanaman seperti Projek Elephant Foodbank oleh pihak KL-Kepong di Johor; dan
- v) membuat hebahan melalui kenyataan media sosial, video pendek dan poster lintasan gajah semasa musim perayaan bagi meningkatkan kesedaran kepada pengguna jalan raya mengenai langkah-langkah keselamatan sekiranya berlaku pertembungan dengan gajah.

4. Jabatan PERHILITAN juga melaksanakan tindakan kontigensi jangka panjang untuk menangani konflik manusia dan gajah dengan membangunkan Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan (2023-2030) (NECAP 2.0) sebagai panduan dalam melaksanakan pengurusan gajah yang lebih menyeluruh. Ini termasuk mengadakan program kesedaran awam ke arah kewujudan bersama (co-existence) bersama pemegang taruh bagi memberi kesedaran mengenai pengurusan konflik hidupan liar termasuklah gajah.

5. Selain itu, pihak Jabatan PERHILITAN dan Kerajaan Negeri Johor telah membangunkan sebuah Santuari Gajah di Parlimen Kota Tinggi, Johor yang terletak di sebuah kawasan yang telah diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara sebagai Tapak Santuari Gajah Johor. Tapak ini telah diwartakan pada 16 Julai 2020 dan 24 Julai 2024 dengan keluasan lebih kurang 197 ekar.

6. Projek pembangunan santuari ini terbahagi kepada 2 fasa. Fasa 1 ialah Pembangunan Kemudahan Asas (RMKe-11) seperti bangunan pejabat, berek kakitangan dan padok gajah telah bermula pada tahun 2016 dan siap pada tahun 2020. Projek pembangunan JES Fasa 2 telah bermula pada tahun 2021 hingga 2026 termasuk melibatkan projek pembangunan fasiliti dan kemudahan pelawat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH  
[BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini berkenaan usaha Kerajaan untuk memisahkan Pejabat Peguam Negara dan Pendakwa Raya dan sama ada usaha ini akan dicapai dalam jangka masa yang telah pun ditetapkan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengambil serius cadangan reformasi institusi melibatkan pengasingan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara. Pada 16 Ogos 2023, Jemaah Menteri bersetuju supaya satu kajian empirikal yang terperinci dan holistik dibuat berkenaan dengan pengasingan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara (Kajian Empirikal).

2. Susulan mesyuarat berkenaan reformasi institusi pada 12 September 2023 yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), dicadangkan supaya dua Pasukan Petugas Khas akan ditubuhkan iaitu:

(a) Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif yang dicadangkan terdiri daripada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) serta wakil Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, wakil Blok Pembangkang, Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) untuk menjalankan kajian berdasarkan keterangan (*evidence-based research*) ke beberapa buah negara seperti England, Australia, Kanada dan Kenya; dan

(b) Pasukan Petugas Khas Teknikal pula akan meneliti secara komprehensif mengenai implikasi perundangan, perjawatan dan kewangan. Pasukan Petugas Khas Teknikal ini dicadangkan dikendalikan sepenuhnya oleh AGC dan BHEUU. Pasukan Petugas Khas Teknikal akan menyediakan Laporan Interim dalam tempoh satu (1) tahun mengenai Kajian Empirikal Komprehensif Pengasingan Peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

3. Sesi libat urus dan perbincangan bersama pihak-pihak pemegang taruh lain seperti Polis Diraja Malaysia, agensi penguatkuasaan lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Kastam

Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pihak-pihak lain pula akan diadakan oleh Pasukan Petugas Khas Teknikal dalam masa terdekat.

4. Jemaah Menteri pada 31 Januari 2024 telah bersetuju bagi Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif menjalankan Kajian Empirikal amalan terbaik dalam pengasingan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara. Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif telah memilih 3 buah negara untuk dilawati, iaitu Australia, United Kingdom (UK) dan Kanada. Kajian Empirikal tersebut penting kerana kajian berdasarkan sumber terbuka tentang amalan terbaik global yang telah dilaksanakan oleh AGC setakat ini adalah terhad dan terdapat maklumat penting yang tidak dapat diperolehi melalui sumber terbuka.

5. Kajian Empirikal ke Kanada yang merangkumi Ottawa dan Toronto telah diadakan dari 6 hingga 9 Mei 2024, manakala Kajian Empirikal ke Australia yang merangkumi Melbourne dan Canberra telah diadakan pada 3 hingga 6 Jun 2024. Kajian Empirikal ini diketuai oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) dan disertai oleh:

- (a) YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) (bagi lawatan ke Australia);
- (b) Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi;
- (c) BHEUU, JPM; dan
- (d) AGC.

6. Semasa Kajian Empirikal, Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif telah memperoleh maklumat dan data yang komprehensif serta menyeluruh termasuk perkara-perkara teknikal dan spesifik serta perkara-perkara generik yang memberi penekanan kepada dengan izin "*big picture*" dalam pelaksanaan pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya di negara kita. Negara terakhir yang akan dikaji oleh Pasukan Petugas Khas Komparatif ialah UK yang merupakan penutup kepada Kajian Empirikal. Kajian Empirikal ke UK akan dilaksanakan tertakluk kepada kesediaan UK menerima kunjungan Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif. Bagi maksud lawatan ini, Kerajaan sedang

membuat persiapan bagi mendapatkan tarikh lawatan dengan pihak UK dan lawatan akan dilaksanakan apabila ia dimuktamadkan.

7. Semasa Kajian Empirikal di negara-negara berkenaan Sesi Perbincangan Meja Bulat (*Roundtable Discussion*) telah diadakan secara hybrid (secara fizikal dan atas talian) pada 3 Jun 2024 di Monash University dan pada 6 Mei 2024 di Fakulti Undang-Undang Universiti Ottawa. Perbincangan Meja Bulat tersebut telah dihadiri oleh pakar-pakar akademik perundangan, pengamal perundangan, ahli akademik serta pihak CSO (*Civil Society Organisations*) dan NGO (*Non-Governmental Organisations*) dari Australia, Kanada dan Malaysia.

8. Selain itu, kajian saintifik berdasarkan perspektif sains kemasyarakatan pandangan umum ke atas pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya sedang dijalankan bagi tempoh enam (6) bulan. Bagi tujuan ini, BHEUU, JPM sedang bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) untuk melaksanakan kajian saintifik ini. Kajian ini akan melibatkan pihak-pihak berkepentingan termasuk masyarakat umum, agensi penguatkuasaan, pakar-pakar berkaitan dan kerajaan negeri. Kajian ini juga akan merangkumi pengumpulan dan analisis data dan maklumat daripada pihak-pihak berkepentingan melalui pelbagai kaedah penyelidikan seperti perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*).

9. Buat masa ini, BHEUU, JPM melalui Pasukan Petugas Khas Teknikal dalam peringkat menyediakan Laporan Interim berdasarkan laporan dapatan Kajian Empirikal daripada Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif. Tempoh penyediaan Laporan Interim oleh Pasukan Petugas Khas Teknikal ialah satu (1) tahun. Laporan Interim tersebut termasuk syor akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[PENGKALAN CHEPA]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh mana usaha Kementerian membangunkan Dasar Mineral Negara bersesuaian dengan prosedur operasi standard (SOP) perlombongan nadir bumi dan adakah exco-exco setiap negeri turut sama dilibatkan dalam merangka dasar tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah mengambil inisiatif merangka Dasar Mineral Negara 3 (DMN3) bagi menyokong pembangunan industri mineral yang berdaya saing selaras dengan perkembangan semasa. Kerangka DMN3 telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Januari 2024.
2. Kementerian juga telah membentangkan kerangka DMN3 dalam platform seperti Majlis Mineral Negara (MMN) Ketiga dan mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Industri Mineral (JKPPIM) Pertama. MMN dan JKPPIM dianggotai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri termasuklah Menteri-Menteri Besar dan Exco-Exco bagi membincangkan hal ehwal dasar dan operasi industri mineral berkaitan pembangunan industri mineral negara dan ini termasuklah Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlombongan REE.
3. Kementerian sentiasa terbuka dalam melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan dalam merangka dasar-dasar yang melibatkan pembangunan industri mineral negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA  
[KOTA MARUDU]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan perkembangan terkini perancangan pembinaan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) khas secara kekal di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi daerah Kota Marudu.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA  
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Pemindahan Sementara (PPS) khas secara kekal atau terma yang lebih tepat iaitu Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) di Negeri Sabah telah pun dibina di daerah Pitas sebagai salah satu (1) PPKB perintis di Malaysia menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. PPKB yang dalam proses pembinaan oleh Kerajaan Negeri Sabah ini merupakan satu (1) kompleks yang boleh dikira lengkap dan luas untuk kemudahan dan keselesaan kepada mangsa yang ditimpa bencana. Ianya bukan sahaja merangkumi dewan penempatan sementara mangsa bencana tetapi juga terdapat komponen-komponen lain bagi kemudahan kepada mangsa dan petugas.
2. Selain itu, dalam masa yang sama, program memperkasakan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) adalah antara program yang dirangka oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai salah satu (1) program jangka masa bergantung kepada peruntukan yang diluluskan. Program memperkasakan PPS ini adalah program yang melibatkan pembinaan PPKB yang baru atau menaiktaraf PPS untuk dijadikan sebagai PPKB. Program yang direncana ini bukan saja melibatkan daerah Kota Marudu di Negeri Sabah, malahan akan diperluaskan kepada seluruh negara berdasarkan data kawasan yang kerap berlaku bencana secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :

- a) statistik kadar simpanan (deposit) Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) mengikut negeri di Semenanjung Malaysia; dan
- b) pelaksanaan garis panduan aktiviti perlombongan NR-REE di luar kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) hasil daripada projek perintis di Kenering, Perak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan kadar simpanan (deposit) Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) mengikut negeri di Semenanjung Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah melaksanakan kajian awal persampelan tinjauan potensi unsur nadir bumi (REE) dari lempung jerapan ion di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) meliputi kawasan seluas 12,150 km<sup>2</sup>. Sebanyak 29 kawasan berpotensi telah dikenal pasti dengan kapasiti sebanyak 16.1 juta tan.
2. Namun demikian, anggaran sumber ini bukanlah merupakan jumlah deposit sebenar yang berpotensi untuk dilombong kerana ia belum mengambil kira lokasi dan juga status guna tanah. Berdasarkan semakan dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), JMG menyimpulkan secara keseluruhan terdapat seluas 24,284 kilometer persegi kawasan taburan REE di Semenanjung Malaysia.
3. Daripada jumlah keluasan tersebut, 22,275 kilometer persegi berada dalam Hutan Simpan Kekal (HSK), manakala 2,009 kilometer persegi merupakan kawasan di luar HSK. Statistik kadar simpanan (deposit) REE mengikut negeri di Semenanjung Malaysia hanya akan dikeluarkan setelah aktiviti pemetaan lanjut dibuat melalui peruntukan pembangunan bagi menentukan kedudukan sebenar deposit tersebut.
4. Seterusnya berhubung pelaksanaan garis panduan aktiviti perlombongan NR-REE di luar kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) hasil daripada projek perintis di Kenering, Perak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah mengedarkan dokumen prosedur operasi standard (SOP) perlombongan REE di Malaysia kepada semua Kerajaan Negeri pada 20 Disember 2023. Dokumen SOP ini merupakan dokumen prosedur bersifat umum yang telah merangkumkan keseluruhan akta dan perundangan berkaitan.

5. Kerajaan Negeri yang berminat untuk terlibat dalam aktiviti perlombongan REE boleh membangunkan SOP sendiri yang bersesuaian dengan perundangan negeri. Dokumen SOP perlombongan REE di Malaysia yang telah dibangunkan oleh Kementerian boleh dijadikan rujukan dalam pembangunan SOP perlombongan REE dengan pindaan yang bersesuaian di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MORDI ANAK BIMOL**  
**[MAS GADING]**  
**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MORDI ANAK BIMOL [MAS GADING]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan memantau keberkesanan perkhidmatan pelanggan agensi-agensi Kerajaan dan indikator utama yang digunakan untuk mengukur prestasi mereka selaras dengan pengumuman kenaikan gaji penjawat awam serta perbezaan antara opsyen Sistem Saraan Malaysia (SSM) dan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menerusi Pekeliling SSPA Bilangan 1 Tahun 2024, prestasi penjawat awam termasuk perkhidmatan pelanggan, dinilai menerusi MyPerformance yang bersandarkan kepada prinsip adil, telus, objektif, relevan dan kebolehasingan. Sebagai penambahbaikan kepada penilaian di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM), MyPerformance memberi gambaran yang lebih menyeluruh di mana prestasi setiap pegawai akan dinilai berasaskan penghasilan kerja, kompetensi fungsian, kompetensi tingkah laku, nilai sepunya serta penglibatan dan sumbangan.
2. Bagi penilaian di peringkat agensi, Biro Pengaduan Awam (BPA) yang bertanggungjawab untuk menguruskan aduan awam, telah memperkenalkan *Queue Management System (QMS) e-rating* dan penilaian kepuasan pelanggan secara dalam talian melalui kod *Quick Response (QR)* untuk para pengguna dan orang awam. Dalam hal ini, indikator utama BPA adalah melalui jumlah aduan yang diterima dan jumlah aduan yang diselesaikan dengan menetapkan kadar penyelesaian aduan sebanyak 80% daripada keseluruhan aduan yang diterima pada setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM  
[PENDANG]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran senarai lawatan ke luar negara oleh YAB Perdana Menteri sehingga Oktober 2024, serta perincian mengenai jumlah pegawai pengiring yang mengikuti perjalanan tersebut dan kos perbelanjaan sepanjang lawatan berkenaan.

**JAWAPAN:**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri telah terlibat dalam **39 lawatan rasmi dan lawatan kerja ke 22 buah negara dari November 2022 sehingga Oktober 2024**. Antara negara yang dilawati oleh YAB Perdana Menteri dan delegasi Kerajaan ialah Arab Saudi, Australia, Bangladesh, Brunei Darussalam, Emiriah Arab Bersatu, Filipina, Indonesia, Jepun, Jerman, Kazakhstan, Kemboja, Mesir, Pakistan, Qatar, Rusia, Republik Demokratik Rakyat Laos, Republik Rakyat China, Singapura, Thailand, Turkiye, Uzbekistan dan Vietnam.
2. Tujuan lawatan YAB Perdana Menteri ke luar negara antara lain adalah bagi mengerat dan menyemarakkan hubungan diplomatik serta kerjasama dengan negara-negara terlibat termasuk meneroka inisiatif baharu bagi mengukuhkan lagi hubungan Malaysia dengan negara-negara luar. Di samping itu, YAB Perdana Menteri turut menghadiri persidangan dan mesyuarat berjadual di peringkat antarabangsa yang turut dihadiri oleh pemimpin-pemimpin dunia.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan rasmi dan persidangan antarabangsa ini juga merupakan satu platform yang terbaik bagi mempromosikan Malaysia serta mampu memberi maklumat terkini kepada komuniti perniagaan antarabangsa terhadap kedudukan ekonomi dan persekitaran perniagaan di Malaysia. Antara program yang dilaksanakan sepanjang lawatan rasmi ini termasuklah mesyuarat tertutup bersama bakal pelabur, seminar dan mesyuarat meja bulat.
4. Kos perbelanjaan bagi kesemua lawatan tersebut adalah sebanyak RM 13.7 juta. Kos perbelanjaan pegawai-pegawai Kerajaan yang turut serta dalam lawatan Perdana Menteri ke luar negara adalah di bawah tanggungjawab Kementerian masing masing. Bagi pegawai keselamatan pula adalah di bawah tanggungjawab Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

5. Hasil lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke beberapa buah negara luar tersebut juga turut berjaya menjana nilai potensi pelaburan berjumlah RM353.6 bilion pada tahun 2023 dan RM82.6 bilion dari bulan Januari sehingga Oktober 2024. Antara komitmen pelaburan yang berjaya dihasilkan daripada Misi Penggalakan Pelaburan sepanjang tempoh ini adalah merangkumi sektor Ekonomi Digital (Pusat Data), Elektrik dan Elektronik (Semikonduktor) dan Kimia ( Petrokimia dan Produk Kimia).
6. Perbelanjaan lawatan ke luar negara YAB Perdana Menteri sentiasa mematuhi tatacara kewangan yang berkuat kuasa, di samping mengambil pendekatan perbelanjaan berhemah. Setiap lawatan juga menyasarkan output yang maksimum dengan menguna pakai kadar peraturan yang berkuat kuasa dan perbelanjaan yang optimum. Jumlah yang dibelanjakan setakat ini adalah wajar dan berpatutan jika mengambil kira faedah yang diperolehi oleh negara berdasarkan jumlah pelaburan asing yang telah menyatakan minat dan berpotensi untuk direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan terbuka untuk melaksanakan semak dan imbang terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) oleh sebuah mekanisme atau *entity* bebas selain dari Jawatankuasa-Jawatankuasa dalaman SPRM yang kerap dikritik sebagai tidak efektif dalam menyemak imbang kuasa luas SPRM.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menggantikan Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada 1 Januari 2009 antara lain adalah bertujuan untuk meningkatkan persepsi, kebebasan, ketelusan dan profesionalisme BPR sebagaimana yang dihasratkan oleh masyarakat. Oleh itu, perubahan dibentuk ke atas struktur tanggungjawab SPRM melalui penubuhan lima (5) badan pemantau bebas sebagai mekanisme semak dan imbang kepada SPRM yang melibatkan masyarakat pelbagai peringkat termasuklah ahli Parlimen dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

2. Lima badan pemantau bebas berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) **Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)** - Jawatankuasa ini dilantik melalui peruntukan seksyen 13 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang dianggotai oleh tujuh (7) individu yang berintegriti dan telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang serta mencapai keunggulan dalam profesion masing-masing. Di antara fungsi yang diperuntukkan adalah untuk menasihati SPRM mengenai dasar dan strategi pencegahan rasuah.
- (ii) **Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah (JKMR)** - Jawatankuasa ini dilantik melalui peruntukan seksyen 14 Akta 694 yang dianggotai oleh tujuh (7) orang ahli Parlimen daripada parti politik blok kerajaan dan blok pembangkang. Di antara fungsi yang diperuntukkan adalah untuk menasihati Perdana Menteri berhubung masalah rasuah di Malaysia dan memeriksa ulasan LPPR tentang perjalanan

fungsi SPRM.

- (iii) **Jawatankuasa Aduan (JKA)** - Jawatankuasa ini dilantik melalui peruntukan seksyen 15 Akta 694 yang dianggotai oleh pengamal undang-undang, bekas pegawai tinggi kerajaan dan mereka yang berkepakaran dalam pengurusan sumber manusia. Di antara fungsi yang diperuntukkan adalah untuk memantau SPRM dalam pengendalian aduan berhubung salah laku yang tidak bersifat jenayah di kalangan pegawai SPRM.
- (iv) **Panel Penilaian Operasi (PPO)** – Jawatankuasa ini dilantik secara pentadbiran dan dianggotai oleh individu yang mempunyai kepakaran dan mewakili badan-badan profesional yang bersesuaian serta berupaya meningkatkan ketelusan SPRM. Di antara fungsi panel ini adalah memantau status kertas siasatan yang dibuka oleh SPRM serta keputusan kes yang dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya.
- (v) **Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)** - Jawatankuasa ini dilantik secara pentadbiran dan dianggotai oleh pelbagai kumpulan masyarakat sivil seperti pengamal media, pengamal undang-undang, tokoh korporat, ahli akademik, pakar komunikasi dan aktivis sosial. Di antara fungsi panel ini adalah menasihati SPRM bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pendidikan, kempen pencegahan rasuah di kalangan masyarakat serta pemeriksaan dan perundingan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja di sektor awam dan swasta.

3. Sebagai entiti peneraju pencegahan rasuah utama di Malaysia, SPRM sentiasa menjadi tumpuan masyarakat atas tindakan keras ke atas penjenayah rasuah. Oleh itu melalui mekanisma semak dan imbang sedia ada perjalanan SPRM berkaitan operasi, siasatan, pendakwaan dan pencegahan boleh dipantau dengan telus serta profesional. Keanggotaan bagi kelima-lima entiti bebas ini dipilih dari kalangan individu berintegriti yang cemerlang dalam perkhidmatan dan

profession masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[BAGAN SERAI]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Kerajaan menghapuskan judi melalui pelan jangka pendek, sederhana dan panjang melibatkan Kementerian-Kementerian berkaitan selaras dengan aspirasi Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia Madani (Al-Falah) 2023-2027 bagi menyumbang kepada pembangunan sahsiah dan sosioekonomi individu muslim serta kesejahteraan sosial masyarakat.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Firman Allah dalam Surah Al-Ma'idah, ayat 90 yang bermaksud, ***“Wahai orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah semuanya kotor dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”***
2. Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sentiasa komited untuk memastikan umat Islam di negara ini menjauhi sebarang bentuk aktiviti perjudian yang merupakan sebahagian dari perkara yang diharamkan oleh Syariat Islam. Sehubungan itu, JAKIM telah mengeluarkan garis panduan aktiviti yang mempunyai unsur perjudian iaitu **Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah** yang meliputi aspek berikut :
  - i. Keputusan Muzakarah Jawatakuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Agama Islam Malaysia
  - ii. Perkara yang Mesti Dielakkan Dalam Penganjuran Berasaskan Hadiah
  - iii. Panduan Kepada Peserta
  - iv. Panduan Kepada Penganjur
3. Usaha untuk membanteras aktiviti perjudian dilakukan secara berterusan oleh pihak JAIN melalui penguatkuasaan di bawah Akta/ Enakmen kesalahan jenayah Syariah. Sebagai contoh pihak Penguat Kuasa Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah melaksanakan operasi membanteras perjudian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan setiap tahun

di bawah seksyen 18 akta 559 ( Akta Kesalahan Jenayah Syariah ( Wilayah – Wilayah Persekutuan 1997) iaitu : ***Mana-mana orang yang berjudi, atau didapati berada di rumah judi, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.***

4. Untuk makluman, skop kesalahan judi di bawah Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah adalah berjudi atau berada di rumah judi tanpa mengira ia dilakukan di tempat perjudian yang dilesenkan atau tidak. Manakala skop undang-undang jenayah judi di bawah Akta 289 adalah bagi tempat perjudian, mesin perjudian, membantu urusan perjudian dan perbuatan berjudi atau berada di rumah judi yang tidak dilesenkan oleh Kementerian Kewangan.
5. Berdasarkan kedua-dua skop undang-undang tersebut, ruang untuk tindakan pencegahan judi secara komprehensif melalui kedua-dua undang-undang itu boleh dilaksanakan seperti yang berikut:
  - i. Undang-undang Syariah boleh diguna pakai terhadap orang Islam yang berjudi sama ada judi konvensional atau judi secara atas talian. Ini adalah kerana kesalahan berjudi di bawah Akta\ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah adalah umum yang boleh meliputi judi konvensional dan judi atas talian. Berbanding dengan Akta 289 yang tidak memperuntukan kesalahan judi tanpa lesen secara atas talian.
  - ii. Bagi orang Islam yang berjudi di tempat yang tidak dilesenkan, pesalah boleh dikenakan hukuman di bawah undang-undang Sivil yang memperuntukkan hukuman lebih berat berbanding hukuman menurut Akta\ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri.

6. Kerjasama antara agensi juga terus diperkukuh melalui penganjuran program – program pencegahan jenayah syariah serta penerapan nilai murni yang mampu memupuk kesedaran kepada masyarakat tentang aktiviti yang menyalahi syariat Islam melalui **Pelan Transformasi Al-Falah**, aspek Pendidikan diberi penekanan disamping penguatkuasaan undang-undang sedia ada. Antara tindakan yang diambil dalam Pelan Transformasi Al-Falah adalah melalui strategi pemantapan Pendidikan Islam di segenap peringkat dan pengembangan program dakwah berhikmah sepanjang hayat. Manakala dari aspek perundangan adalah melalui Teras 3 Pelan Transformasi Al-Falah: Kemuliaan Syariah; strategi telah dirangka untuk menggerakkan program-program Cakna Syariah yang membantu pengamal perundangan dan masyarakat mendapatkan penjelasan berkaitan perundangan syariah.
  
7. Manakala melalui **Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI)**, di bawah **Teras Pengukuhan Institusi Keluarga dan Sosial** : aspek pendidikan kekeluargaan dan sosial berteraskan prinsip ajaran Islam dirangka dengan keyakinan bahawa keluarga sebagai asas masyarakat, dengan erti kata lain negara membangun bermula dari rumah atau keluarga sejahtera. JAKIM sentiasa mengambil inisiatif untuk merealisasikan pendekatan dakwah dan advokasi yang lebih efektif untuk memberi kefahaman kepada umum tentang pengharaman dan bahaya judi melalui penggunaan media sosial rasmi JAKIM disamping aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang melibatkan judi di bawah kesalahan jenayah Syariah dipertingkat selaras dengan seruan PDRM untuk menjalankan penguatkuasaan secara total terhadap aktiviti perjudian yang berlaku di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI  
OTHMAN [BENTONG]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT menyatakan :**

- (a) berapa jumlah terkini pusat jagaan autisme berdaftar seluruh negara dan sasaran Kementerian dalam mendepani peningkatan kanak-kanak autisme; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian untuk mengurangkan kos rawatan dan pemulihan kanak-kanak autisme yang dilihat sangat membebankan ibu bapa

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, sehingga September 2024, terdapat sebanyak 33 buah Pusat Jagaan Autisme yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

2. Bagi mendepani cabaran khususnya peningkatan kanak-kanak autisme dan mengurangkan kos rawatan serta pemulihan kanak-kanak autisme ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui JKM telah melaksanakan pelbagai program, antara seperti:

**i. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)**

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) atau "*Community-Based Rehabilitation*" (CBR) merupakan program latihan bagi orang kurang upaya (OKU) yang ditawarkan oleh kerajaan menerusi kolaborasi strategik JKM dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) secara percuma. Ia merupakan satu strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial OKU. PDK dilaksanakan melalui usaha bersepadu OKU, keluarga, komuniti dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial yang bersesuaian. Program ini dikendalikan di seluruh negara dengan penglibatan aktif komuniti sama ada di pusat PDK atau di rumah. Sehingga September 2024, seramai 19,710 OKU sedang menerima perkhidmatan (pelatih) di semua 564 buah PDK di seluruh negara. Semua pelatih ini turut menerima elaun sebanyak RM300 sebulan.

**ii. Perkhidmatan Institusi**

Pada masa ini, terdapat 10 buah institusi OKU kendalian JKM di seluruh negara iaitu:

- (a) Tujuh (7) daripadanya ialah Taman Sinar Harapan iaitu institusi yang memberi penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak OKU kategori pembelajaran termasuk autisme;
- (b) dua (2) Bengkel Daya yang memberi peluang pekerjaan kepada OKU masalah pembelajaran termasuk autisme yang tidak dapat bersaing di dalam pasaran luar; dan
- (c) satu (1) Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian (PLPP), Bangi yang memberi latihan kepada OKU termasuk autisme bagi menyediakan mereka untuk bersaing di pasaran kerja.

Kemasukan ke kesemua institusi JKM ini adalah percuma.

**iii. Perkhidmatan TASKA OKU**

Kerajaan telah menjalinkan kerjasama dengan PSK untuk mengoperasikan 11 buah TASKA OKU bagi 6 kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi Sindrom Down, Autisme, Penglihatan, Pendengaran, Fizikal dan Masalah Pembelajaran. Kanak-kanak di TASKA OKU ini juga diberikan yuran subsidi sebanyak RM180 sebulan.

**iv. Program PERMATA Kurnia**

Pada masa ini, dua (2) buah pusat intervensi awal autisme sedang beroperasi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Pusat PERMATA Kurnia, Kuala Lumpur dan Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak Integrasi PERMATA, Putrajaya.

3. Sementara itu, kerjasama dengan Kerajaan Negeri turut diperluaskan bagi menggalakkan lebih banyak penubuhan pusat berkaitan intervensi autisme. Sebagai contoh, antara inisiatif dan kerjasama yang telah berjaya menubuhkan pusat autisme di bawah Kerajaan Negeri adalah Pusat Anak Istimewa Selangor (ANIS) bersama Kerajaan Negeri Selangor dan juga *One Stop Early Intervention Centre* bersama Kerajaan Negeri Sarawak.

4. Bagi perancangan jangka panjang, perluasan kerjasama dengan pusat jagaan autisme bakal diteroka bagi memastikan menambah bilangan pusat untuk intervensi autisme dengan bilangan OKU autisme. Oleh itu, kerjasama antara kementerian dan agensi yang berkaitan, pihak NGO serta organisasi swasta adalah diharapkan untuk memberikan hasil terbaik secara keseluruhan dalam menyediakan perkhidmatan dan bantuan kepada kanak-kanak autisme di negara kita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB  
[PARIT]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang telah direncanakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengelak krisis kemiskinan dalam persaraan yang semakin meningkat di kalangan rakyat.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menjelang tahun 2030, Malaysia bakal menuju ke arah negara tua dengan jangkaan 14 peratus daripada penduduk Malaysia adalah berusia 60 tahun dan ke atas. Situasi ini berpotensi meletakkan sebahagian rakyat terutamanya golongan tua kepada risiko seperti isu kemiskinan, masalah kesihatan dan perubatan, kekurangan simpanan persaraan serta penurunan produktiviti tenaga buruh yang seterusnya boleh menimbulkan implikasi kritikal terhadap prospek fiskal negara.
2. Untuk itu, Kerajaan melalui Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) sedang merangka strategi pengukuhan program insurans sosial sebagai persediaan negara menghadapi risiko negara tua sekali gus mengelakkan krisis kemiskinan dalam persaraan di kalangan rakyat. Melalui Belanjawan 2024, pelbagai inisiatif diberikan bagi memastikan rakyat dapat melalui tempoh pra dan pasca persaraan dengan lebih baik antaranya:
  - a. Peruntukan RM100 juta kepada Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS);
  - b. Had caruman padanan Kerajaan di bawah program i-Saraan KWSP ditingkatkan kepada RM500 setahun terhad kepada RM5,000 seumur hidup;
  - c. Had caruman padanan Kerajaan di bawah program i-Suri ditingkatkan kepada RM300 setahun terhad kepada RM3,000 seumur hidup;
  - d. Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah diteruskan dengan peruntukan RM50 juta memanfaatkan lebih 400 ribu suri rumah wanita yang berdaftar di dalam sistem eKasih; dan
  - e. Program i-Sayang KWSP diperluaskan untuk turut membolehkan isteri memindahkan 2 peratus caruman KWSP syer pekerja kepada suami.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan jumlah Ecological Fund Transfer (EFT) yang diterima bagi setiap negeri bagi tahun 2023 dan 2024 serta bagaimana nilai EFT ditentukan agar setimpal dengan kos lepas bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan simpan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT*) bukan bersifat ganti rugi atau pampasan bagi menampung kos lepas tetapi adalah insentif tambahan kepada Kerajaan Negeri untuk melindungi dan memulihara kawasan perlindungan yang merupakan kawasan penting bagi perkhidmatan ekosistem (*ecosystem services*) termasuk sebagai kawasan tadahan air dan perlindungan hidupan liar.

2. Sebanyak RM317 juta peruntukan EFT telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri iaitu pada tahun 2023 dan 2024 masing-masing sebanyak RM127 juta dan RM190 juta. Pengagihan peruntukan EFT kepada Kerajaan Negeri adalah berdasarkan kepada 3 kriteria yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Pelaksanaan EFT seperti berikut:

- (i) **nilai ambang (*threshold value*)** iaitu sebanyak RM200,000.00 disalurkan kepada negeri yang mengemukakan maklumat terkini pewartaan kawasan perlindungan di negeri;
- (ii) **keluasan kawasan perlindungan daratan, air daratan dan marin** iaitu 70 peratus daripada keseluruhan peruntukan disalurkan kepada negeri berdasarkan kepada pengiraan peratusan keluasan kawasan perlindungan negeri sedia ada; dan
- (iii) **kriteria ekologi berasaskan keberhasilan (*performance-based ecological criteria*)** iaitu baki 30 peratus daripada keseluruhan peruntukan ditentukan berdasarkan kepada prestasi pelaksanaan EFT oleh kerajaan negeri.

## Maklumat Agihan Peruntukan EFT Mengikut Negeri Tahun 2023 dan 2024

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>TAHUN 2023 (RM)</b>	<b>TAHUN 2024 (RM)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1.	Johor	6,609,082.00	24,650,000.00	<b>31,340,082.00</b>
2.	Kedah	10,198,834.00	11,100,000.00	<b>21,298,834.00</b>
3.	Kelantan	11,473,514.00	9,950,000.00	<b>21,423,514.00</b>
4.	Melaka	2,596,118.00	4,750,000.00	<b>7,346,118.00</b>
5.	Negeri Sembilan	8,355,853.00	10,500,000.00	<b>18,855,853.00</b>
6.	Pahang	14,011,815.00	19,650,000.00	<b>33,661,815.00</b>
7.	Perak	13,077,658.00	10,400,000.00	<b>23,477,658.00</b>
8.	Perlis	4,420,658.00	7,250,000.00	<b>11,670,658.00</b>
9.	Pulau Pinang	3,087,606.00	5,200,000.00	<b>8,287,606.00</b>
10.	Sabah	16,441,461.00	36,050,000.00	<b>52,491,461.00</b>
11.	Sarawak	13,484,841.00	19,550,000.00	<b>33,034,841.00</b>
12.	Selangor	9,187,364.00	13,250,000.00	<b>22,437,364.00</b>
13.	Terengganu	13,942,129.00	17,700,000.00	<b>31,642,129.00</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>126,967,933.00</b>	<b>190,000,000.00</b>	<b>316,967,933.00</b>

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN  
[PADANG SERAI]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos perbelanjaan penerbangan Perdana Menteri sejak Disember 2022 hingga kini, merangkumi perjalanan kunjungan keluar dan dalam negara.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan penerbangan bagi tujuan rasmi Kerajaan oleh YAB Perdana Menteri adalah sepertimana ketetapan melalui Surat Pekeliling Am (Sulit) Bilangan 1 Tahun 2014 – Peraturan-Peraturan Penggunaan Pesawat Eksekutif Kerajaan Dan Pesawat Angkut Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).
2. Segala kos penggunaan kemudahan pengangkutan penerbangan ini adalah dalam anggaran yang bersesuaian dengan perkhidmatannya yang tertakluk kepada perjanjian kontrak Kerajaan dengan pihak penyedia perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini dalam perundingan isu berbangkit MA63 oleh Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

**JAWAPAN**

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Perpaduan pada hari ini amat komited dalam meneruskan perundingan mengenai isu-isu di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak supaya dapat diselesaikan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan kerangka perundangan sedia ada.

2. Perbincangan mengenai isu-isu di bawah MA63 masih diteruskan. Sehingga kini, status kemajuan bagi 29 tuntutan di bawah MA63 adalah seperti berikut:

**a. Selesai Sepenuhnya (11 Tuntutan)**

- i. Penyerahan Kuasa Kawal Selia *Liquified Petroleum Gas* (LPG) kepada Kerajaan Negeri Sarawak;
- ii. Penyerahan semula kuasa pentadbiran ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
- iii. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;
- iv. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak;
- v. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182 (AP182);

## **NO SOALAN : 33**

- vi. Pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 1995 bagi melantik Wakil Kerajaan Negeri Sabah Dan Sarawak Sebagai Anggota Tetap LHDN;
- vii. Penyerahan kuasa kawal selia bekalan gas di Negeri Sabah;
- viii. Pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak;
- ix. Penyediaan Garis Panduan Penyerahan Semula Tanah Direzabkan bagi maksud Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak;
- x. Penyerahan Kuasa Kawal Selia Elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah; dan
- xi. Cadangan Pindaan Perkara 95B Perlembagaan Persekutuan mengenai ubah suaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan.

### **b. Selesai Sebahagian/Interim (2 Tuntutan)**

- i. Kajian Semula Pemberian Khas bagi Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112D; dan
- ii. Penukaran Status Pelabuhan Bintulu dari Pelabuhan Persekutuan ke Pelabuhan Negeri.

### **c. Telah Mempunyai Keputusan Dasar (3 Tuntutan)**

- i. Pemberian kuasa (empowerment) mengenai alam sekitar;
- ii. Tenaga buruh di Negeri Sabah dan Sarawak; dan
- iii. Kuasa Mengenai Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman (Pindaan Perlembagaan Persekutuan).

**d. Dalam Perbincangan (8 Tuntutan)**

- i. Obligasi kewangan Persekutuan di bawah Senarai III, Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
- ii. Pertambahan perjawatan perkhidmatan awam Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan;
- iii. Borneonisasi perkhidmatan awam Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak;
- iv. Pembangunan Sempadan Sabah-Sarawak-Kalimantan;
- v. Pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sabah dan Sarawak di Dewan Rakyat;
- vi. Cadangan pindaan item 25A (Pelancongan) dalam Senarai I (Persekutuan), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan kepada Senarai III (Bersama), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
- vii. Isu kesihatan; dan
- viii. Isu pendidikan.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Mesyuarat MTPMA63 Bilangan 1 Tahun 2024 yang telah diadakan pada 12 September 2024 di Kota Kinabalu, Sabah yang lalu telah memutuskan beberapa perkara, antaranya ialah seperti berikut:

- a. Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk meningkatkan kadar Pemberian Khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan kepada RM600 juta mulai tahun 2025 kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak;

## NO SOALAN : 33

- b. Mesyuarat telah bersetuju supaya tuntutan melibatkan Mineral Minyak dan Medan Minyak, Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750), Hak Negeri Ke Atas Pelantar Benua dan Royalti Minyak dan Pembayaran Tunai Petroleum dibincangkan oleh pimpinan peringkat tertinggi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak;
  - c. Mesyuarat juga bersetuju supaya Jabatan Peguam Negara mengadakan perbincangan bersama Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak bagi meneliti semula tuntutan berhubung pertambahan Ahli Dewan Rakyat dari negeri Sabah dan Sarawak dari sudut perundangan; dan
  - d. Mesyuarat turut bersetuju supaya tuntutan mengenai duti setem harus dibincangkan dalam forum yang berasingan memandangkan ia melibatkan tafsiran undang-undang ini memerlukan penelitian semula oleh pihak-pihak yang berkenaan.
4. Semua isu-isu di bawah MA63 yang belum diselesaikan akan terus dipantau oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES, JPM) selaku Sekretariat kepada Majlis Tindakan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 bersama dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN**  
**[HULU SELANGOR]**  
**TARIKH** : **29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan lokasi dan status Rumah Peranginan Persekutuan dan Rumah Tamu sedia ada serta menerangkan usaha Kerajaan untuk menambah Rumah Peranginan Persekutuan dan Rumah Tamu yang baru di seluruh Malaysia bagi meningkatkan kebajikan kepada penjawat awam terutama kumpulan sokongan.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah keseluruhan Rumah Peranginan Persekutuan (RPP) yang sedang beroperasi di dalam negara adalah sebanyak sembilan iaitu di:
  - a. Pulau Pangkor, Perak;
  - b. Cameron Highlands, Pahang;
  - c. KM 18, Jalan Pantai Port Dickson, Negeri Sembilan;
  - d. Tanjung Tuan, Port Dickson, Negeri Sembilan;
  - e. Tasik Kenyir, Terengganu;
  - f. Pulau Pinang;
  - g. Morib Selangor;
  - h. Bukit Fraser, Pahang; dan
  - i. Labuan.
  
2. Jumlah keseluruhan Rumah Peranginan Persekutuan (RPP) yang sedang beroperasi di luar negara pula adalah sebanyak dua iaitu di:
  - a. London; dan
  - b. Singapura
  
3. Manakala, jumlah Rumah Tamu (RT) yang sedang beroperasi di dalam negara adalah sebanyak tiga iaitu di:
  - a. Putrajaya;
  - b. Tanjung Kupang, Johor; dan
  - c. Jalan Ang Seng, Kuala Lumpur

4. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) khususnya RMK-12, Kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri turut meneliti cadangan untuk menambah RPP dan Rumah Tamu yang baru di seluruh Malaysia dengan cadangan memperluaskan perkhidmatan RPP di Negeri Sabah dan Sarawak. Cadangan-cadangan ini masih dalam penelitian mengambil kira keutamaan projek-projek Kerajaan berdasarkan kepada kapasiti dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan. Di samping itu, Kerajaan turut meneliti cadangan pembinaan RPP melalui kaedah kerjasama awam swasta (*Public Private Partnership* - PPP) yang mampu meringankan bebanan kewangan Kerajaan dan dalam masa yang sama dapat menggalakkan penyertaan Sektor Swasta dalam penyediaan perkhidmatan RPP dan Rumah Tamu ini.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai tuntutan yang telah dipersetujui dan dikembalikan kepada Wilayah Sabah dalam rundingan tuntutan pemulihan hak wilayah selaras dengan Perjanjian Malaysia 1963 melalui Jawatan Kuasa Teknikal Perjanjian Malaysia 1963.

**JAWAPAN**

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri ke-10, Kerajaan Perpaduan sentiasa memberikan komitmen dalam meneruskan perundingan mengenai isu-isu di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak supaya dapat diselesaikan berlandaskan kerangka Perlembagaan Persekutuan dan perundangan sedia ada.
2. Perbincangan mengenai isu-isu di bawah MA63 bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah masih diteruskan sehingga hari ini. Sehingga kini, sebanyak 10 tuntutan di bawah MA63 oleh Kerajaan Negeri Sabah telah diselesaikan seperti berikut:

**Selesai Sepenuhnya (10 Tuntutan)**

- i. Penyerahan semula kuasa pentadbiran ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
- ii. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;
- iii. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak;
- iv. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182 (AP182);

- v. Pindaan Akta LHDN 1995 bagi melantik Wakil Kerajaan Negeri Sabah Dan Sarawak Sebagai Anggota Tetap Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- vi. Penyerahan kuasa kawal selia bekalan gas di Negeri Sabah;
- vii. Pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak;
- viii. Penyediaan Garis Panduan Penyerahan Semula Tanah Direzabkan bagi maksud Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak;
- ix. Penyerahan Kuasa Kawal Selia Elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah; dan
- x. Cadangan Pindaan Perkara 95B Perlembagaan Persekutuan mengenai ubah suaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan.

3. Selain daripada itu, terdapat juga satu (1) tuntutan di bawah MA63 yang dikategorikan sebagai “selesai sebahagian/interim” iaitu Kajian Semula Pemberian Khas bagi Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112D. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan kadar Pemberian Khas kepada Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan kepada RM600 juta bermula tahun 2025 dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) Bilangan 1 Tahun 2024 di Kota Kinabalu pada 12 September 2024 yang lalu.

4. Semua isu-isu di bawah MA63 yang belum diselesaikan akan terus dipantau oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES, JPM) selaku Sekretariat kepada Majlis Tindakan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 bersama dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN  
MOHD DELI  
[JEMPOL]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) di Parlimen Jempol secara khususnya di kawasan SMK Palong 7 bagi melancarkan pengurusan bencana banjir dan memastikan kebajikan mangsa banjir lebih terjamin.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA  
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sembilan (9) lokasi telah pun dikenal pasti sebagai perintis Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) yang merupakan inisiatif Kerajaan untuk kemudahan dan keselesaan kepada mangsa yang ditimpa bencana iaitu di Kelantan, Johor, Pahang, Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Sarawak dan Sabah. PPKB yang dibina merupakan satu (1) kompleks yang boleh dikira lengkap. Ianya bukan sahaja merangkumi dewan penempatan sementara mangsa bencana tetapi juga terdapat komponen-komponen lain bagi kemudahan kepada mangsa dan petugas.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya projek perintis ini dapat dijayakan dengan berkesan, Kerajaan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berhasrat untuk memperluaskan pembinaan PPKB ini kepada semua Negeri termasuk pembinaan PPKB di Negeri Sembilan. Pemilihan lokasi PPKB akan merujuk kepada zon aktif berlakunya bencana dalam lima (5) tahun kebelakangan dan berdasarkan senarai keutamaan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).
3. Selain itu, dalam mempercepatkan perluasan projek PPKB, NADMA juga mengambil langkah pro aktif dengan menaikkan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sedia ada untuk dijadikan PPKB iaitu dengan menaikkan dewan orang ramai atau dewan milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya komponen-komponen PPKB dapat disediakan atau dinaiktaraf agar terus dapat digunakan bagi mangsa bencana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
[AMPANG]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab JAKIM dan pihak berkuasa lain tidak mengambil tindakan tegas lebih awal terhadap GISB Holdings meskipun telah mengetahui dan mula menyiasat operasi mereka sejak tahun 2019 di samping pelbagai strategi dan langkah seterusnya untuk mencegah berulangnya isu sama.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. JAKIM telah melaksanakan kajian yang komprehensif dan lengkap bagi memastikan dakwaan terhadap GISB Holdings berasas dan mempunyai bukti yang kukuh. Proses mengumpul bahan bukti dan sumber yang diyakini serta boleh disahkan dari sudut perundangan perlu melalui penelitian yang tinggi. Lebih-lebih lagi bagi menangani sesuatu amalan atau ajaran yang berselindung di sebalik aktiviti lain yang kelihatan benar dan sah di sisi undang-undang. Proses ini tentunya tidak sukar sekiranya sesuatu ajaran atau amalan itu jelas dan terang-terangan bercanggah dengan syariat Islam dan amalan tersebut dapat dibuktikan dengan jelas dan kukuh.
2. Dalam hal ini, JAKIM telah bertindak mengikut ruang lingkup fungsi dan peranan yang ada dan tidak melakukan sesuatu tugas yang melangkaui fungsi pihak berkuasa. Namun, kerjasama, khidmat nasihat dan perundingan dengan pihak berkuasa di peringkat persekutuan dan negeri sentiasa dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan proses berjalan dengan lancar dan sempurna.
3. Kerajaan menerusi JAKIM sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal pembangunan dan kemajuan Islam di negara ini sentiasa melaksanakan pendekatan yang strategik dan perlu bagi memastikan fahaman menyimpang atau ajaran salah ini dapat dibendung secara tuntas. JAKIM berperanan dalam merancang dan melaksanakan kajian hukum

dalam bidang akidah khususnya kajian-kajian berkaitan ajaran sesat dan ekstremis yang berpaksikan agama.

4. Dalam hal ini, JAKIM secara konsisten melaksanakan kolaborasi strategik bersama agensi-agensi di peringkat negeri dan persekutuan secara menyeluruh iaitu JAIN, Jabatan Mufti Negeri, PDRM, Jabatan/Bahagian Pendakwaan Syariah, SKMM, KDN dan MKN. JAKIM juga mengambil pelbagai langkah bersepadu di dalam menangani dan membendung penyebaran kandungan yang membawa unsur ajaran sesat yang disampaikan melalui media sosial melalui jalinan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI  
[KLUANG]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [KLUANG]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan siasatan terhadap kebocoran terhadap Nota Diplomatik yang dihantar daripada Kementerian Luar China kepada Kedutaan Besar Malaysia di Beijing pada Februari lepas mengenai bantahan China terhadap aktiviti eksplorasi minyak di Beting Raja Jarum dan Beting Patinggi Ali serta langkah mengatasi isu ini daripada berulang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Kluang** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, seperti isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri memandang serius isu kebocoran dokumen tersebut yang merupakan saluran perhubungan rasmi antara dua buah negara kepada pihak umum. Dalam konteks ini, Kementerian Luar Negeri serta Perwakilan Malaysia di Luar Negeri sentiasa memastikan pengendalian dokumen-dokumen terperingkat dibuat mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Pihak berkuasa Malaysia sedang menjalankan siasatan terperinci dan telus berhubung perkara ini.

3. Berhubung eksplorasi minyak dan gas di Laut China Selatan, Malaysia akan meneruskan eksplorasi di dalam perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia di Sarawak. Ini kerana operasi tersebut dilakukan dalam perairan negara selaras dengan hak kedaulatan negara berdasarkan undang-undang antarabangsa.

4. Berhubung dengan perkara ini, penerokaan tersebut penting untuk kelangsungan ekonomi negara. Oleh itu, Malaysia akan terus mempertahankan kedaulatan, hak-hak kedaulatan serta kepentingannya di kawasan maritim negara berdasarkan kepada Peta Malaysia 1979. Kementerian Luar Negeri ingin menekankan bahawa pendekatan Malaysia ini adalah selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa yang diiktiraf sejagat termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea - UNCLOS 1982*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
[PORT DICKSON]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan perancangan Kementerian untuk memastikan kelestarian biodiversiti di kawasan-kawasan ekosistem yang terancam seperti Taman Negara dan Hutan Hujan Tropika.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Usaha-usaha untuk memastikan kelestarian biodiversiti memerlukan kerjasama padu Kerajaan Negeri kerana Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan pembahagian bidang kuasa yang jelas di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Hal ehwal berkaitan tanah dan hutan terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, manakala perlindungan hidupan liar adalah di bawah Senarai Bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

2. Dalam hubungan ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah melaksanakan usaha-usaha seperti berikut bagi melindungi, memelihara dan memulihara biodiversiti di kawasan-kawasan ekosistem yang terancam seperti Taman Negara dan Hutan Hujan Tropika:

- (i) memperkasa kerangka perundangan perhutanan dan hidupan liar melalui pindaan Akta Perlindungan hidupan Liar 2010 [*Akta 716*] dan Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*];
- (ii) melaksanakan moratorium bagi menghentikan peluasan ladang hutan dalam hutan simpanan kekal (HSK) dan mempergiatkan usaha ke arahewartakan HSK, kawasan perlindungan serta pewartaan kawasan cadangan HSK khususnya yang terletak dalam kawasan *Central Forest Spine* (CFS) sepertimana yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-81 pada 19 September 2024;
- (iii) mengukuhkan kerangka polisi melalui Dasar Perhutanan Malaysia dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022-2030;
- (iv) menyediakan Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT*) kepada kerajaan negeri bagi mengukuhkan pengurusan dan meningkatkan keluasan kawasan perlindungan;

- (v) mengukuhkan penguatkuasaan melalui Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme* - BP3) bagi membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar;
- (vi) menyediakan inisiatif one-off bagi Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar (BKHT) pada tahun 2024. Inisiatif ini bertujuan untuk meringankan beban penduduk kampung dan komuniti setempat yang mengalami kerugian atau kerosakan harta benda akibat konflik manusia dan hidupan liar; dan
- (vii) membangunkan Kerangka Kewangan REDD Plus (RFF) melalui agensi *Malaysia Forest Fund* (MFF) bagi meningkatkan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan pihak swasta bagi penyaluran dana untuk aktiviti konservasi dan pengurusan hutan serta mitigasi perubahan iklim.

3. NRES akan terus komited untuk meningkatkan pengurusan biodiversiti dan memohon Kerajaan Negeri untuk mengukuhkan usaha dalam memastikan kelestarian biodiversiti negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN**  
**[HULU LANGAT]**  
**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN:**

**TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] Minta PERDANA MENTERI menyatakan :**

- (a) berapa jumlah peruntukan yang disalurkan oleh pihak Kerajaan dalam usaha menaik taraf dan juga membina masjid/surau baharu dalam tahun 2023 sehingga 2024; dan
- (b) apakah pelan transformasi terkini yang dirancang untuk menjadikan masjid dan surau bukan terhad kepada tempat ibadah khusus tetapi mencakupi semua fungsi.

**JAWAPAN:**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hal ehwal agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Negeri seperti yang termaktub di dalam Jadual Kesembilan, Senarai II – Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan.
2. Walau bagaimanapun, sebagai Kerajaan Persekutuan yang prihatin terhadap keperluan rakyat di peringkat akar umbi, Kerajaan komited dalam usaha menaik taraf dan juga membina baharu masjid serta surau. Bagi tahun 2023 hingga kini, sebanyak **3,959 projek** dengan kos berjumlah **RM362.159 juta** telah diluluskan bagi tujuan menaik taraf dan membina baharu masjid serta surau di seluruh Malaysia.
3. Sebagaimana yang sedia maklum bahawa pengurusan masjid dan surau adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).
4. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan bersama kerajaan negeri iaitu MAIN/JAIN sentiasa berusaha menjadikan masjid dan surau bukan terhad kepada tempat ibadah khusus semata-mata, tetapi mencakupi semua fungsi dan keperluan masyarakat hari ini.
5. Kerajaan Persekutuan melalui agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah memperkenalkan Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI atau dikenali sebagai Pelan Transformasi Al-Falah (PTF) sebagai dokumen induk yang merangkumi perancangan utama semua agensi agama bagi tempoh lima tahun iaitu dari 2023 hingga 2027.
6. Berdasarkan Pelan Transformasi Al-Falah (PTF) iaitu Kehormatan Institusi Islam, terdapat dua fokus yang perlu diberi perhatian iaitu:
  - i. keunggulan pendidikan Islam dan dakwah berhikmah; dan
  - ii. pemodenan prasarana institusi Islam.

7. Teras kelima PTF menumpukan kepada tiga keberhasilan iaitu:
- i. pendidikan Islam yang mampan, inklusif dan holistik;
  - ii. pemeraksanaan agenda dakwah secara inklusif; dan
  - iii. prasarana institusi Islam yang kondusif.
8. Dalam teras kelima ini, masjid serta surau bukan sekadar tempat ibadah tetapi turut mencakupi pelbagai fungsi merangkumi pendekatan holistik dalam memenuhi keperluan komuniti dengan tiga strategi iaitu:
- i. mempertingkatkan penghayatan amalan beragama kepada masyarakat Islam;
  - ii. memperluas keindahan Islam kepada non-muslim; dan
  - iii. menambahbaik dan memodenkan prasarana institusi Islam.
9. Ketiga-tiga strategi ini bertujuan menjadikan masjid serta surau berfungsi seperti berikut:

**a) Pusat Pembelajaran dan Pembangunan Masyarakat;**

Masjid dan surau bukan sahaja dijadikan tempat untuk pengajian agama tetapi juga pusat pendidikan ilmu moden seperti kemahiran teknikal, bahasa, dan literasi digital. Kelas-kelas yang relevan untuk semua peringkat umur disediakan, termasuk kursus-kursus vokasional yang memberi manfaat ekonomi kepada peserta. Masjid dan surau boleh menyediakan kursus dan bengkel berkaitan kekeluargaan, perkahwinan, dan keibubapaan selaras dengan usaha memperkukuh institusi keluarga sebagai unit asas dalam masyarakat.

**b) Pusat Kegiatan Sosial dan Kebajikan**

Masjid dijadikan tempat untuk perkhidmatan kaunseling keluarga, kewangan, dan isu sosial seperti masalah remaja dan perkahwinan. Program bimbingan untuk golongan belia, ibu tunggal, atau keluarga yang memerlukan sokongan turut dilaksanakan. Masjid dan surau yang mengumpulkan sumbangan boleh membantu golongan yang memerlukan. Program pengagihan bantuan seperti makanan dan barangan keperluan

harian dilaksanakan secara berstruktur untuk memastikan bantuan sampai kepada golongan sasaran.

**c) Pusat Pembangunan Ekonomi**

Masjid berfungsi sebagai pusat sokongan keusahawanan dengan penganjuran kursus, bengkel, dan forum yang memfokuskan kepada pengembangan perniagaan secara halal. Setakat ini 577 koperasi masjid telah didaftarkan bertujuan menggalakkan ekonomi komuniti. Inisiatif-inisiatif seperti pembiayaan mikro dan bantuan modal kepada golongan asnaf serta usahawan kecil boleh diuruskan melalui masjid, yang turut menyediakan platform pasaran seperti bazar komuniti.

**d) Pusat Perkhidmatan Kesihatan dan Kebajikan Umum**

Masjid boleh memperkenalkan klinik kesihatan asas yang menyediakan rawatan perubatan percuma atau kos rendah kepada masyarakat. Masjid turut menjadi lokasi program pemeriksaan kesihatan berkala dan kempen kesedaran kesihatan yang menggabungkan pendekatan spiritual dan perubatan. Masjid juga menawarkan kaunseling psikologi berteraskan Islam untuk menangani masalah seperti kemurungan, kecemasan, dan konflik sosial, membantu masyarakat yang terkesan dengan isu mental melalui pendekatan yang penuh hikmah.

**e) Pusat Komuniti dan Kehidupan Sosial**

Masjid menjadi tempat yang menggalakkan interaksi antara anggota masyarakat melalui pelbagai aktiviti seperti majlis berbuka puasa, gotong-royong, dan program kebajikan bersama. Ini membantu mengeratkan hubungan silaturrahim di antara jemaah, tanpa mengira latar belakang. Sesetengah masjid mengadakan program dialog antara agama untuk mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara masyarakat berlainan kepercayaan, yang membantu memupuk keamanan dan saling menghormati.

**f) Pusat Krisis dan Bantuan Kecemasan**

Masjid dijadikan pusat operasi bantuan kecemasan dalam kes bencana alam seperti banjir atau kebakaran. Ini termasuk menyediakan tempat perlindungan sementara, pengagihan makanan dan bantuan kecemasan, serta sokongan moral dan

## **NO SOALAN : 40**

spiritual kepada mangsa bencana. Selain bantuan bencana, masjid turut menguruskan program sokongan seperti bantuan bulanan untuk golongan fakir dan miskin, termasuk melalui dana zakat yang diuruskan oleh institusi masjid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN BIN HAJI KEPLI  
[BATANG LUPAR]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MOHAMAD SHAFIZAN BIN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklum balas Kerajaan Malaysia ke atas tindakan Kerajaan China yang menggesa Malaysia untuk menghentikan semua aktiviti di kawasan perairan Laut China Selatan kaya dengan hasil minyak berhampiran Sarawak dan sejauh manakah komitmen dalam memastikan kedaulatan dan sempadan laut negara dihormati.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) sentiasa mengambil berat akan keselamatan perairan negara di Laut China Selatan. Kerajaan sentiasa memantau rapat sebarang perkembangan dan situasi semasa di kawasan tersebut melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan isu tersebut ditangani dengan segera dan efisien tanpa menimbulkan sebarang ketegangan di lapangan.
2. Pendirian semasa Malaysia adalah jelas iaitu untuk terus mempertahankan perairan negara berdasarkan Peta Baru Malaysia (PBM) 1979. Sebarang aktiviti kacau ganggu terhadap aktiviti Malaysia di kawasan Laut China Selatan termasuk melibatkan aktiviti eksplorasi dan eksploitasi minyak dan gas sentiasa diberi perhatian serius oleh Kerajaan dan akan ditangani dengan baik.
3. Kerajaan melalui PETRONAS akan terus melaksanakan aktiviti eksplorasi dan eksploitasi minyak dan gas di perairan negara di Laut China Selatan selaras dengan kedaulatan dan hak kedaulatan Malaysia di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS) 1982. Aktiviti eksplorasi dan eksploitasi hidrokarbon negara adalah sangat penting bukan sahaja bagi tujuan ekonomi negara tetapi juga sebagai tindakan yang tidak provokatif (*non-provocative*) untuk mengukuhkan kedaulatan negara di kawasan perairan negara terutama di kawasan Laut China Selatan.
4. Bagi memastikan aktiviti eksplorasi dan eksploitasi minyak dan gas di perairan negara di Laut China Selatan berjalan dengan lancar, Kerajaan melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) terus mempamerkan kehadiran berterusan (*omnipresence*) aset negara di kawasan Laut China Selatan sama ada aset laut mahupun aset udara. Aset-aset Pasukan Keselamatan negara ini juga sedia diaturgerak pada bila-bila

masa untuk memastikan keselamatan perairan negara sentiasa terpelihara pada sebilang masa.

5. Selain itu, Malaysia melalui MKN, JPM juga turut mewujudkan Dialog Dua Hala bagi membincangkan isu-isu maritim di Laut China Selatan antara Malaysia dan China. Ia selaras dengan dasar dan pendirian Kerajaan supaya semua isu berkaitan Laut China Selatan dibincangkan secara konstruktif dengan menggunakan saluran diplomatik dan dialog berterusan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara terus kekal terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR] minta PERDANA MENTERI menyatakan :**

- (a) status penyaluran dan perbelanjaan untuk peruntukan khas TVET RM200 juta yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu Pelancaran Dasar TVET Negara; dan
- (b) apakah strategi untuk penyelarasan peruntukan khas TVET dan keperluan modal insan dalam matlamat kelestarian negara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN  
WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bersempena Sambutan Hari TVET Negara 2024 pada 8 Jun 2024, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk pelaksanaan program TVET berimpak tinggi yang memberi penekanan kepada tujuh bidang utama TVET yang akan disalurkan menerusi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).
2. Mekanisme pembiayaan tambahan ini adalah berkonsepkan latihan secara jangka pendek (tujuh hari hingga enam bulan) dan penempatan pekerjaan dengan penganugerahan sama ada persijilan penuh, modular, Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) atau persijilan industri.
3. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada graduan TVET dengan kelulusan Sijil hingga Ijazah, serta pelajar TVET sedia ada di institusi TVET. Kadar pembiayaan yang dicadangkan adalah meliputi 80% geran atau pembiayaan dan 20% pinjaman. Elemen pembiayaan termasuklah yuran latihan, yuran program tambah nilai dan kos sara hidup.
4. Jawatankuasa Pemandu ditubuhkan bagi tujuan kawal selia yang dianggotai oleh Kementerian atau agensi berkaitan serta agensi penyelaras mengikut bidang. Program latihan kemahiran yang dijalankan hendaklah memberi impak segera kepada penempatan pekerjaan.

## **NO SOALAN : 42**

5. Agensi penyelaras yang dilantik mengikut bidang keutamaan akan bertindak sebagai pemudahcara yang akan memperakukan kesesuaian program latihan dengan keperluan majikan atau industri.
6. Butiran berkaitan peruntukan ini telah dikemukakan oleh Kementerian Ekonomi dalam Belanjawan 2025, dan dijangka peruntukan akan disalurkan kepada PTPK pada tahun 2025 untuk membolehkan inisiatif ini dimulakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN  
ISMAIL**  
**[BANDAR TUN RAZAK]**  
**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
[BANDAR TUN RAZAK] minta PERDANA MENTERI**  
menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi menyelaraskan semua  
bantuan dari semua agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan untuk jaminan  
kesamarataan bagi golongan miskin tegar di Wilayah Persekutuan.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) sentiasa berganding erat dengan pelbagai pihak sama ada agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan sebagainya dalam usaha menjayakan hasrat Kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar di negara kita khususnya di Wilayah Persekutuan.
2. Di peringkat JWP, **Mesyuarat Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Wilayah Persekutuan** diadakan secara berkala bagi menyelaraskan urusan penyaluran bantuan (sama ada bantuan tunai atau bukan tunai) bersama semua pihak berkepentingan seperti Kementerian Ekonomi (KE), Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan sebagainya.
3. JWP juga turut menganjurkan **Sesi Libat Urus (SLU)** sebagai salah satu platform untuk menyantuni Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar di 13 buah kawasan Parlimen di bawah Wilayah Persekutuan. SLU ini juga bertujuan untuk menyelaraskan dan mengemaskini maklumat peribadi mereka bagi tujuan penyaluran bantuan. SLU ini bukan sahaja melibatkan agensi-agensi berkaitan seperti KE, ICU JPM, JKJ, MAIWP, MITRA, DBKL, dan Perbadanan Labuan, malah ia turut mendapat kerjasama dan penglibatan daripada Ahli Parlimen dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di Wilayah Persekutuan.
4. Selain itu, JWP melalui **Program Usaha Jaya Insan (PUJI)** turut melaksanakan program-program pendayaupayaan bertujuan membangunkan kapasiti (*capacity building*) setiap peserta yang terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR) atau Ahli Isi Rumah (AIR) miskin tegar agar mereka dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran yang bersesuaian seterusnya membantu mereka menjana pendapatan melalui aktiviti perniagaan atau padanan pekerjaan (*job matching*). Program pendayaupayaan ini dijayakan bersama dengan

rakan-rakan strategik JWP yang terdiri daripada agensi Kerajaan, syarikat swasta, non-profit organization (NPO) dan perusahaan sosial. Program ini lebih berdaya mampan dalam menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan yang berterusan kepada golongan ini seterusnya dapat membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan tegar tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan berbentuk tunai.

5. JWP amat menghargai kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang berkenaan dan mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama baharu yang boleh diwujudkan bagi membantu Jabatan ini membasmi kemiskinan tegar di Wilayah Persekutuan sesuai dengan pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation approach*) yang digariskan oleh Kerajaan di bawah Kerangka Ekonomi MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG  
[KOTA MELAKA]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jabatan Audit Negara akan melaksanakan audit terhadap Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang yang mendapat dan membelanja berjuta-juta ringgit wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Audit Negara (JAN) mempunyai kuasa pengauditan terhadap mana-mana badan lain termasuk syarikat yang akan diaudit berdasarkan peruntukan di bawah Akta Audit 1957 [Akta 62]. Ianya merujuk kepada subperenggan 5(1)(d)(i),(ii) dan (iii) Akta 62 sama ada badan termasuk syarikat tersebut menerima pemberian, pinjaman, kepentingan syer melebihi 50% serta yang menerima jaminan Kerajaan.

2. Pada masa ini, Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang tidak termasuk dalam senarai badan lain termasuk syarikat yang telah diwartakan. Namun, atas dasar kepentingan awam, Menteri Kewangan boleh meminta Ketua Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan terhadap Lembaga ini melalui pendekatan "*follow the public money audit*" yang baharu diperkenalkan di bawah subperenggan 5(1)(d)(iv) Akta 62 sekiranya Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang menerima wang awam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 62. Pendekatan ini membolehkan Ketua Audit Negara mengesan jejak wang awam yang diberikan kepada mana-mana badan lain bagi menentukan sama ada wang disalurkan atau aktiviti yang dilaksanakan memberi manfaat kepada golongan sasaran dan selaras dengan kelulusan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK SUHAIMI BIN NASIR**  
**[LIBARAN]**  
**TARIKH** : **29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah serangan siber ke atas sistem infrastruktur Kementerian yang telah dikesan bagi tempoh 2022-2024 dan adakah infrastruktur yang sedia ada mampu untuk terus menangkis serangan tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 2022 hingga 2024, berdasarkan statistik daripada Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) melalui Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara (*National Cyber Coordination and Command Centre - NC4*) yang memantau insiden keselamatan siber secara berterusan, sebanyak 4,378 insiden terhadap agensi Kerajaan telah direkodkan dalam tahun 2022 dan sebanyak 1,633 insiden keselamatan siber dalam tahun 2023. Manakala sehingga September 2024, sebanyak 1,547 insiden keselamatan siber ke atas sistem infrastruktur agensi Kerajaan telah dikesan dan berjaya ditangani melalui pemantauan berterusan dan tindakan segera oleh NACSA, MKN, JPM.
2. Selaras dengan usaha untuk meningkatkan pengukuhan keselamatan siber di peringkat nasional berhubung insiden ini, NACSA, MKN, JPM sentiasa membantu agensi Kerajaan dari segi pemakluman amaran ancaman keselamatan siber supaya agensi Kerajaan dapat melaksanakan tindak balas dengan segera dan juga untuk meminimumkan risiko serta mengekang berulangnya insiden keselamatan siber kepada agensi Kerajaan.
3. Sebagai langkah kesiapsiagaan bagi memastikan infrastruktur siber agensi Kerajaan mampu untuk terus menangkis serangan siber, NC4 juga memberikan cadangan pelaksanaan amalan terbaik seperti (tidak terhad kepada) perkara-perkara berikut:
  - a. Memastikan persekitaran agensi dilengkapi dengan kawalan keselamatan siber termasuk perisian anti-virus yang sentiasa dikemas kini;
  - b. Membangun dan melaksanakan Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan;

## NO SOALAN : 45

- c. Mengukuhkan pelaksanaan pengesahan (*authentication*) log masuk dengan penggunaan *Multi-Factor Authentication* (MFA); dan
  - d. Menyemak semula pembahagian rangkaian (*network segmentation*) bagi mengawal jangkitan ancaman keselamatan siber daripada merebak ke seluruh rangkaian agensi.
4. NACSA, MKN, JPM sebagai agensi peneraju keselamatan siber negara, memainkan peranan proaktif untuk meningkatkan keupayaan bagi mengenal pasti ancaman keselamatan siber yang berimpak kritikal kepada negara terutama yang bersifat *sophisticated*. Jaringan kerjasama serantau dan antarabangsa dengan pelbagai pihak juga membantu NACSA, MKN, JPM dalam melaksanakan peranan ini. NACSA, MKN, JPM juga memberikan kesedaran, khidmat nasihat dan bantuan kepada organisasi bagi melaksanakan amalan terbaik dan mengendalikan sebarang insiden keselamatan siber yang berlaku.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW**  
**[BATU KAWAN]**  
**TARIKH : 29 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan hala tuju dan dasar-dasar yang telah serta bakal dilaksanakan dalam tempoh lima tahun ini dengan memberikan perbandingan negara-negara jiran dalam usaha meningkatkan daya saing negara untuk menarik pelaburan secara berterusan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberikan perhatian dan keutamaan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan daya saing negara agar Malaysia menjadi destinasi pelaburan pilihan dan negara dagang yang kompetitif di rantau Asia Tenggara. Salah satu daripada tujuh (7) penanda aras sebagai sasaran jangka sederhana untuk dicapai menjelang 2033 di bawah kerangka Ekonomi MADANI adalah kedudukan Malaysia berada di kalangan 12 ekonomi paling berdaya saing di dunia dalam Laporan Daya Saing Dunia (*World Competitiveness Report-WCR*). WCR yang diterbitkan oleh *Institute Management Development* (IMD) semenjak tahun 1989 merupakan penanda aras utama bagi daya saing sesebuah negara yang diiktiraf oleh komuniti global. Hasil laporan WCR ini yang dinilai berdasarkan 256 indikator merangkumi 4 faktor iaitu Pertumbuhan Ekonomi; Kecekapan Kerajaan; Kecekapan Perniagaan dan Infrastruktur sering digunakan oleh para penggubal dasar untuk menyemak dan menambahbaik dasar dan peraturan sedia ada bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang merupakan agensi penyelaras kepada usaha-usaha meningkatkan daya saing negara telah mengambil beberapa langkah berdasarkan konsep Keseluruhan Kerajaan (*Whole-of Government*) agar daya saing Malaysia menjadi lebih kukuh berbanding dengan negara-negara jiran serantau seperti berikut:

- i. Membangunkan pelan tindakan berdasarkan maklum balas dan input daripada pelbagai pemegang taruh yang berkepentingan;
- ii. Menubuhkan Jawatankuasa Daya Saing Negara bagi memantau pencapaian pelan tindakan tersebut;

- iii. Menjalinkan hubungan strategik dengan IMD untuk mendapatkan pandangan yang bersesuaian untuk menambah baik kedudukan Malaysia dalam WCR;
- iv. Menjalankan analisis mikro secara berterusan ke atas petunjuk daya saing bagi mengenal pasti kelemahan yang boleh dibaiki secara terperinci;
- v. Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) yang sedang berjalan dan inisiatif Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Awam yang akan dilancarkan tahun ini akan meningkatkan "*the ease of doing business*" dan memperkasakan kualiti ekosistem perniagaan dengan peraturan-peraturan yang tangkas dan tidak membebankan;
- vi. Memperluaskan pelaksanaan projek-projek yang memudahkan perniagaan ke seluruh negara seperti Projek E-10, yang merupakan inisiatif untuk mempercepatkan pembinaan dan pengoperasian projek perkilangan daripada tempoh 24 bulan kepada 10 bulan;
- vii. Memantau pelaksanaan dasar-dasar yang digagaskan oleh MITI seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Strategi Pelaburan Hijau, Strategi Semikonduktor Nasional dan Rangka Tindakan Perdagangan Nasional 2021-2025. MPC juga bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi memastikan pelaburan yang diluluskan dapat direalisasikan dalam tempoh 24 bulan selepas kelulusan diberikan; dan
- viii. MPC akan bekerjasama rapat dengan Pasukan Petugas Khas Reformasi (STAR) untuk mengarusperdanakan inisiatif reformasi birokrasi di semua agensi Kerajaan bertujuan memendekkan proses kelulusan dan meningkatkan kecekapan.

MITI optimis dengan usaha di atas, daya saing Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan negara dagang akan terus kekal utuh di peringkat rantau Asia Tenggara. Keyakinan ini juga berdasarkan beberapa petunjuk utama iaitu prestasi pelaburan yang diluluskan dan nilai perdagangan

## **NO SOALAN : 46**

antarabangsa yang kekal memberangsangkan. Sebagai contoh, nilai pelaburan diluluskan dalam tempoh Januari hingga Jun 2024 adalah sebanyak RM160 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 18% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023, yang mana sebanyak 79,187 peluang pekerjaan baharu bakal diwujudkan. Daripada segi nilai perdagangan antarabangsa pula, dalam tempoh Januari hingga September 2024, perdagangan meningkat 10.9% kepada RM2.139 trilion berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Eksport naik 6% kepada RM1.115 trilion dan import sebanyak RM1.024 trilion menghasilkan lebihan dagangan bernilai RM91.21 bilion.

Sekian, terima kasih.